

DEWAN MAJLIS**Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 / 13 Mac 2017****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keenam, hari Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 bersamaan 13 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat pada pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita ﷺ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang memasuki hari yang keenam dan kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Di Peringkat Jawatankuasa, kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walau macam manapun, kita masih lagi mempunyai beberapa kementerian yang perlu ditunduki dan diluluskan. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan memberikan kerjasama sepenuhnya supaya Rang Undang-Undang ini akan dapat kita selesaikan.

Maka bagi membolehkan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya, saya tangguhkan dahulu Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)****Yang Berhormat Pengerusi:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya

bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu.

Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada petang Sabtu lalu, masih membahaskan dan membincangkan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya masih lagi mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang telah memberi Notis suka untuk berucap dan mengajukan soalan-soalan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Sebelum itu, saya ingin mengagihkan kesempatan ini sekiranya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang ingin untuk memberikan keterangan tambahan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan pada hari Sabtu yang lalu.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

ﷺ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk menjelaskan beberapa soalan yang telah diajukan pada hari Sabtu lepas, yang kaola tidak sempat menjawabnya.

Mula-mula kaola ingin menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu berkenaan dengan pemantauan hasil perikanan yang diimport dari pencemaran kimia.

Pemantauan penganalisan ke atas ikan yang dijual di pasar-pasar di negara ini memang sentiasa dilaksanakan secara

berjadual oleh Jabatan Perikanan bagi memastikan ikan-ikan, kerang, ketam dan udang selamat untuk dipasarkan. Hasil daripada pemantauan dan penganalisan tersebut, setakat ini الْحَمْدُ لِلَّهِ didapati ikan-ikan, kerang, ketam dan udang selamat untuk dimakan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perikanan pada masa ini, bukan sahaja meningkatkan pemantauan malah juga sedang meningkatkan program kesedaran bagi pengimport, penjual dan juga orang ramai, betapa pentingnya menjaga keselamatan makanan laut melalui poster-poster, taklimat dan juga promosi melalui televisyen.

Kaola mengambil kesempatan untuk mengingatkan orang ramai sekiranya terdapat ikan-ikan, kerang, ketam dan juga udang yang mencurigakan keselamatannya, hendaklah melaporkannya terus kepada Jabatan Perikanan untuk siasatan lanjut.

Mengenai pengawalan harga ikan, perkara ini bukanlah di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan. Seperti yang sama-sama kita ketahui bahawa harga ikan sangat bergantung pada situasi bekalan dan permintaan (*supply and demand*) pada setiap masa.

Selanjutnya, kaola ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, iaitu berkenaan tempat penurunan perahu nelayan di kawasan yang sesuai di Daerah Belait. Tapak yang dimaksudkan di Seria, iaitu Kawasan Lorong 7 Sungai Seria, telah pun diselidiki oleh beberapa agensi seperti

Kementerian Pembangunan, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan mendapati bahawa di tempat-tempat tersebut banyak paip *high pressure gas* di bawah tanah yang berdekatan dengan pantai dan di sepanjang Pantai Anduki sehinggalah ke Istana Manggalela.

Paip-paip ini diklasifikasikan sebagai mempunyai risiko tinggi terutama sekali jika ada kebocoran, ia boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Demi keselamatan dan kesihatan para nelayan dan juga orang ramai, adalah diseru supaya nelayan yang berkenaan untuk menggunakan kawasan penurunan perahu yang sedia ada iaitu di *Billionth Barrel Monument* Kuala Belait dan juga di Pantai Lumut sahaja.

Selanjutnya, kaola ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu iaitu berkenaan dengan perkembangan padi di Perdayan dan Senukoh. Kedua-dua kawasan ini iaitu KKP Perdayan dan KKP Senukoh, masih lagi bergantung pada hujan bagi sumber pengairannya. Di samping itu, penanaman padi diusahakan secara *manual* kerana jenis tanah gambut ini tidak sesuai menggunakan jentera-jentera berat.

Bagi membantu peladang-peladang padi di kawasan yang bergantung pada hujan sebagai sumber pengairan seperti KKP Perdayan dan KKP Senukoh, untuk meningkatkan hasil padi mereka, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian

dan Agrimakanan telah pun memperkenalkan jenis padi BDR5 iaitu hasil kacukan jenis padi Laila dengan jenis padi Pusu. Padi BDR5 ini sesuai ditanam di kawasan tersebut dan boleh ditanam 2 kali dalam setahun serta berupaya menghasilkan antara 3 ke 5 metrik tan padi sehektar dengan pengurusan yang baik dan dengan turunan hujan yang normal berbanding dengan penanaman jenis padi tradisional seperti pusu, adan dan bario yang hanya dapat menghasilkan 1 metrik tan per hektar dengan penanaman setahun sekali sahaja.

Selanjutnya soalan berkenaan dengan 5 KPLB di Daerah Temburong. Yang Berhormat meminta kepastian syarat keahlian kerana didapati pengusaha asal menjual kepada pengusaha baru. Yang Berhormat mencadangkan supaya konsep KPLB dinilai semula sesuai dengan pelan strategik kementerian. Sebagai jawapan pengurusan ladang-ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) telah diserahkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dari Jabatan-Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mulai 1 Jun 2013.

Sebanyak 5 KPLB yang telah diluluskan di Daerah Temburong iaitu KPLB Belais, KPLB Meniup, KPLB Sibut, KPLB Puni dan KPLB Seri Tanjung Belayang. Untuk makluman kawasan KPLB buat masa ini masih di peringkat untuk perwartaan (gazet) sebagai kawasan kemajuan pertanian. Setelah diwartakan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kawasan KPLB ini pembahagian lot akan diukur semula. Kawasan KPLB ini, akan

dikawal selia mengikut syarat-syarat seperti mana tapak-tapak kawasan kemajuan pertanian di bawah jabatan yang ada pada masa ini. Ini bermakna setiap tapak yang tidak diusahakan atau ahli tidak mahu lagi meneruskan, maka tapak tersebut akan ditarik balik dan ditawarkan semula kepada orang ramai sama ada melalui *RFP* ataupun *tender*.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu berkenaan dengan penguatkuasaan racun kelas 1 dan 2 yang membahayakan yang digunakan di ladang sayur. Sebagai jawapan racun kelas 1 tidak dibenarkan pengimportannya bagi kegunaan peladang dan orang awam, kecuali bagi kegunaan syarikat *pest control* yang menjalankan fumigasi atau pembasmian serangga dan penyakit. Manakala racun-racun kelas 2 memang masih boleh diimport disebabkan sebahagian racun rumpai, serangga dan penyakit masih dikilang oleh syarikat pengilang pada kelas 2.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sentiasa menasihatkan dan mengingatkan kepada peladang-peladang bahawa penggunaannya pada semua jenis tanaman mestilah mengikut tatacara dan jadual yang ditetapkan. Pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membuat pemeriksaan secara rutin ke atas sayur-sayuran yang akan dipasarkan dengan mengambil *sample* secara rawak dari ladang-ladang di semua daerah setiap 2 kali sebulan.

Sample sayur-sayuran ini dihantar ke bahagian Keselamatan Agrimakanan di kementerian ini bagi penganalisan sisa kandungan racun kimia pertanian untuk memastikan yang sayur-sayuran tersebut adalah selamat untuk pengguna dan tidak melebihi tahap maksimum sisa racun kimia pertanian yang ditetapkan bagi berbagai-bagai jenis racun.

Keputusan ujian makmal telah menunjukkan bahawa tidak ada *sample* sayuran yang dicemari oleh racun kelas 1 dan kelas 2. Jika didapati kandungan racun kimia pertanian *sample* sayuran melebihi tahap maksimum sisa racun kimia pertanian atau *maksimum residual level (MRL)*, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan memberi amaran secara bertulis kepada peladang dan memberi peringatan terhadap kaedah penggunaan racun kimia yang selamat, bagi memastikan peladang-peladang bertanggungjawab untuk menggunakan jenis-jenis racun yang disyorkan berdasarkan kadar dan tempoh masa pemetikan hasil sayur-sayuran yang selamat untuk dipasarkan.

Bagi ladang-ladang yang didapati menghasilkan sayur-sayuran yang mengandungi tahap maksimum sisa racun kimia pertanian yang tinggi secara berterusan sebanyak tiga kali, pihak jabatan akan menarik balik segala bantuan Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA) dan ladang tersebut akan disenaraihitamkan.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab 3 soalan lagi iaitu Daripada Yang Berhormat Awang Hanapi bin Siput

mengenai isu kebakaran hutan yang melibatkan hutan tanah gambut. Sebenarnya undang-undang dan peraturan mengenai memasuki kawasan hutan termasuklah kawasan hutan paya gambut termaktub dalam Akta Hutan Penggal 46 Undang-Undang Brunei. Dalam Seksyen 19 dan 20, menegaskan memasuki kawasan hutan tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan apatah lagi memasang atau menyalakan api dalam kawasan hutan tersebut.

Pihak Jabatan Perhutanan membuat pemantauan di kawasan Hutan Simpan semasa musim kemarau dan berkerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan jika berlaku sebarang kebakaran. Jabatan Perhutanan juga mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Jabatan Perhutanan (JPB-JPH) yang antara lain tugasnya dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah menangani kebakaran-kebakaran yang berlaku di kawasan-kawasan hutan yang di bawah pentadbiran Jabatan Perhutanan khususnya hutan-hutan simpan dan kawasan-kawasan perladangan hutan (*Inter Riverine Zone (IRZ)*).

Pihak Jabatan Perhutanan dan agensi kerajaan yang berkaitan juga sering memberigakan mengenai kawasan-kawasan yang sering mengalami kebakaran termasuk memberi kesedaran orang awam supaya jangan membuat pembakaran terbuka pada musim-musim kemarau. Pemberigakan juga dilakukan melalui jerayawara dan taklimat yang dibuat ke sekolah-sekolah dan masyarakat. Jerayawara ini bukan

sahaja khusus kepada kebarakan hutan tetapi juga merangkumi perkara yang berkaitan dengan Akta Hutan, peraturan hutan dan pemeliharaan hutan;

Soalan selanjutnya ialah cadangan mewujudkan Taman Negara di Ulu Daerah Belait, kerana sebahagian daripada *Heart Of Borneo* seperti yang terdapat di Daerah Temburong. Pihak kementerian mengambil maklum dan akan mengkaji usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Siput. Sukacita memaklumkan bahawa untuk menubuhkan sesuatu kawasan tersebut sebagai sebuah Taman Negara atau *National Park* memerlukan masa yang agak lama dan perbelanjaan yang tinggi. Sebagai contoh Penubuhan Taman Negara Ulu Temburong mengambil masa lebih kurang 3 tahun untuk diiktiraf sebagai Taman Negara.

Untuk menjadikan sebuah kawasan sebagai kawasan Taman Negara ia perlu menepati dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Badan Pertubuhan Antarabangsa seperti *The International Union For Conservation On Nature (IUCN)*. Salah satu kriteria tersebut ialah kawasan tersebut mengandungi struktur geologi bumi yang menarik dan tersendiri, dan disimpan untuk memelihara berbagai-bagai jenis tumbuhan-tumbuhan dan haiwan serta mengekalkan landskap asal. Semua maklumat yang diperlukan hendaklah dikumpulkan dan dijelaskan melalui kajian saintifik yang komprehensif. Ini memerlukan tenaga pakar dan juga peruntukan yang besar bagi melaksanakan projek kajian tersebut.

Dan Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu permohonan penglibatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya Zon 5 untuk mengambil kayu-kayu hutan yang terpilih dan teras kayu di hutan dan sungai-sungai untuk menghasilkan kraf tangan dan perabot yang bersesuaian. Sebagai jawapan pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat mengenai pengambilan kayu hutan dan teras kayu untuk dijadikan produk kraf tangan dan perabot yang bersesuaian.

Sebenarnya prosedur bagi pengambilan hasil dari kawasan hutan hendaklah lebih dahulu dipohonkan kebenaran daripada Jabatan Perhutanan. Lazimnya, kebenaran akan dikeluarkan secara lesen *form 2* yang mengandungi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang tertentu. Prosedur ini diperlukan bagi langkah-langkah melindungi flora dan fauna yang ada di kawasan yang berkenaan terutama dari kepupusan.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas penerangan tambahan yang dikemukakan mengenai dengan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Sabtu yang lalu. Sekarang kita teruskan perbincangan kita mengenai dengan

Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya jemput sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan Selamat Sejahtera. Kaola Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu merakamkan terima kasih atas mukadimah dan ucapan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana setakat ini telah membawa beberapa *Foreign Direct Investment (FDI)* pelaksanaan melalui program *Request For Proposal (RFP)* dan banyak program *Private Public Partnership (PPP)* telah pun ditawarkan dan sedang dalam proses untuk dipertimbangkan.

Pertumbuhan ekonomi negara perlu dicepatkan dan Wawasan Brunei 2035 perlu direalisasikan. Seperti yang diharapkan, sumber-sumber pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan diharapkan akan dapat menyumbangkan pertumbuhan KDNK negara, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Dalam pengamatan kaola Yang Berhormat Pengerusi, banyak potensi ke arah aktiviti tambah nilai dalam projek-projek *FDI* dan lain-lain. Adalah diharapkan supaya pengusaha-pengusaha anak tempatan akan diberikan peluang dan kesempatan untuk ikut serta dalam pembuatan *downstream activity* dan pekerja-pekerja anak

tempatan akan diberi keutamaan dalam projek tersebut.

Kaola juga ingin mencadangkan supaya graduan-graduan akan diterapkan dalam program *I-RDY (i-Ready)* yang akan bermula pada bulan April akan datang ini ke arah bidang pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan. Kaola ingin menyentuh bajet Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan dan Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang berkaitan dengan pendidikan dan perkembangan. Penyelidikan dan perkembangan (R&D) amat perlu dalam mengembangkan pengeluaran produk-produk dan menambah nilai hasil barangan. Penyelidikan diperlukan untuk mengatasi permasalahan yang ditimbulkan oleh petani, nelayan dan lain-lain.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk membangun *set up* makmal begitu mahal dan dirasa berat bagi pengusaha-pengusaha kitani membuat penyelidikan dan perkembangan satu-satu produk dan mencari penyelesaian bagi permasalahan tanaman dan lain-lain. Mendapatkan konsultan dari luar negeri yang pernah kaola sendiri rasai terlalu tinggi dan mahal. Maka dalam ini kaola ingin mencadangkan:-

1. Negara kitani sudah tiba masanya mempunyai *Brunei Standard* atau *standard* yang tersendiri dan tidak akan bergantung lagi pada standard negara dan lain, iaitu sebelumnya sekurang-kurangnya kitani menuju kepada *GMP*, dan

2. Membantu untuk membangunkan produk-produk aliran untuk menyelesaikan masalah-masalah petani, nelayan, penternak dan lain-lain. Jika belum dapat kitani laksanakan maka dicadangkan diadakan skim-skim tertentu untuk membantu orang-orang kitani.

Mengenai pengeluaran padi, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memaklumkan bahawa padi memerlukan *yield* yang tinggi. Kaola rasa, perkara yang sama juga harus kitani fikirkan mengenai produk lain seperti buah durian dan sayur-sayuran. Misalannya kalau kitani membeli buah durian di luar negara seperti Thailand. Kitani lihat hasil durian terdapat di sepanjang tahun. Demikian juga seperti buah rambutan, mangga dan lain-lain. Kemudian apa yang terjadi pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, peladang-peladang kitani sering menghadapi permasalahan bunga durian yang gugur sebelum jadi buah dan akhirnya mengurangkan hasil mereka.

Kaola juga merasa bahawa buah-buahan tempatan yang ada di negara ini seperti buah mambangan, tarap, belunu, binjai dan lain-lain akan dapat kitani ketengahkan. Kaola masih ingat ketika dahulu kitani cuba bertanam secara besar-besaran durian Thailand tetapi akhirnya kitani tidak berhasil dan akhirnya merugikan kepada pengusaha-pengusaha. Ketika itu kaola masih ingat bahawa kaola pernah membincangkan mengenai buah durian kitani iaitu buah durian kuning dan waktu itu negara-negara jiran belum terdapat durian

tersebut tetapi apa yang terjadi sekarang ini, Brunei telah banyak memasukkan buah durian kuning dari negara jiran untuk dipasarkan di negara kitani.

الْحَمْدُ لِلَّهِ pada masa ini buah mangga seperti tidak bermusim lagi. Maka diharapkan supaya pengusaha-pengusaha kitani didedahkan dengan pembuatan produk tambah nilai seperti acar mangga, jeruk mangga dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kalau dilihat daripada bajet Tajuk SE06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan, sekali lagi kaola ingin merakamkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana adanya Akta Pelancongan 2016 yang boleh mengawal ejen-ejen pelancongan, *tour guide* dan *homestay*.

Pada masa ini terdapat anyak ejen-ejen yang tidak berlesen. Ada antaranya adalah terdiri daripada warga negara asing. *Guide* pelancongan yang tidak berlesen ataupun tidak mempunyai Sijil Pengiktirafan dan juga ada pengusaha-pengusaha bas persendirian telah berkecimpung dalam bidang pelancongan. Apa yang abis kaola harapkan Yang Berhormat Pengerusi, supaya akta yang ada iaitu Akta Pelancongan 2016 itu, akan dapat dikuatkuasakan, tindakan undang-undang akan diambil mengikut peraturan yang ada.

Apa yang diharapkan kerjasama daripada agensi yang lain akan dapat memberikan

sumbangan ke arah mendirikan pelancongan di negara ini. Kalau *national carrier* kitani harus memberikan harga tiket yang lebih menarik kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara ini, kemungkinan untuk memberikan kesempatan kepada penumpang-penumpang yang datang ke negara ini, hanya untuk tujuan *transit* akan diberikan *tour booklet* untuk mereka melihat sendiri apa yang ada di negara ini.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon maaf jika ada soalan dan cadangan yang melibatkan kementerian lain dan kaola mohon maaf sekali lagi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan. Ada beberapa soalan berkenaan dengan penyelidikan buah-buahan dan pelancongan. Kaola akan menjawab soalan berkenaan dengan penyelidikan di bawah Tajuk Penyelidikan dan juga di bawah Tajuk Pelancongan sahaja pada masa ini. Berkenaan dengan buah-buahan nanti kaola akan menjawab Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat. Mengenai dengan soalan berhubung dengan pelancongan itu sudah pun Yang Berhormat jawab apabila soalan yang sama telah dikemukakan oleh salah seorang Ahli

Yang Berhormat yang terdahulu, saya kira tidaklah perlu diulang, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai Tajuk-Tajuk Penyelidikan. Jika dilihat di bawah Tajuk Penyelidikan itu kebanyakannya kosong. Adalah didapati kebanyakan aktiviti penyelidikan akan di bawah Tajuk *Science Technology And Innovation* di bawah Rancangan Belanjawan Kemajuan. Walaupun tidak banyak timbul di bawah Tajuk Perikanan dan Pertanian, kebanyakannya di bawah Tajuk RND ataupun di bawah Tajuk *Science Technology And Innovation*.

Berkenaan dengan Brunei *Standard*. Memang kita ada Brunei *Standard*, terhadap produk-produk pertanian. Mengenai penubuhan, penggalakan produk-produk hiliran daripada sumber-sumber utama pertanian, penternakan, perikanan dan sebagainya adalah digalakkan. Ia bukan di bawah sumber-sumber utama lagi, mungkin menjadi proses misalnya ternakan udang di Tutong, kemudian diproses menjadi *fishball* ataupun menjadi bahan-bahan lain. Ada kaitannya dengan Kementerian Perindustrian dan Tenaga. Walau bagaimanapun ada yang bercorak *cottage* ataupun Satu Mukim Satu Produk pembuatan keropok udang dan keropok ikan dan lain-lain lagi.

Kementerian akan berkerjasama dengan kementerian berkenaan untuk memastikan pengusaha-pengusaha dalam sektor hiliran itu akan juga terus maju dan memastikan jua bahan-

bahannya itu akan sentiasa ada, jika tidak ada, terpaksa diimport. Sebagai contoh di Tanjung Maya, ada orang mengusahakan Minyak Kelapa Dara, jadi ada kedengaran kepada kita, bahawa sumber kelapa itu tidak banyak di Brunei, jadinya tidak dapat mereka menambah keluaran. Satu caranya, kita ada kawasan yang besar untuk menanam kelapa mungkin kita adakan usaha untuk menanam kelapa. Tapi cara yang kedua, untuk memajukan sektor hiliran ini mungkin dengan cara mengimport bahan-bahan mentah itu daripada negara-negara jiran. Itu dari segi produk *cottage industry*.

Walaupun bagaimanapun kalau industri-industri besar, hiliran besar seperti kita mahu menggalakkan orang memproses ayam menjadi sosej dalam berbagai-bagai jenis bahan proses. Mereka boleh juga bergantung pada sumber-sumber utama dalam negara ini. Orang yang menternak ayam dalam negara. Kalau lebih besar lagi mereka boleh juga mengimport bahan-bahan mentah itu ertinya mengimport ayam dari luar negara asal saja halal dan diproses di negara ini dan di eksport lagi. Soalnya tidak ada halangan, ertinya terbuka luas bagi penglibatan orang ramai termasuk orang tempatan dan termasuk belia untuk terlibat dalam sektor hiliran.

Mengenai masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang dan nelayan-nelayan, adakah kementerian-kementerian mempunyai usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah mereka? Jika Jabatan Pertanian, mereka akan berhubung dengan peladang-

peladang dan penternak-penternak dan Jabatan Perikanan akan berkomunikasi dengan penternak-penternak ikan dan nelayan-nelayan. Masalah yang mereka hadapi akan dibincangkan bersama-sama dengan kementerian. Apakah masalah yang mereka hadapi misalnya bagaimana memulakan perusahaan berladang ataupun menternak ataupun jadi nelayan. Apakah yang perlu mereka ada.

Seperti yang saya terangkan sebelum ini, artinya mereka harus mendaftar dengan kementerian ataupun jabatan-jabatan berkenaan supaya tahu yang mereka ini betul-betul berkeinginan untuk terlibat dalam sektor pertanian, penternakan ataupun perikanan. Selepas itu akan diberi peluang untuk menghadiri latihan-latihan yang berkenaan ataupun mengadakan lawatan-lawatan.

Pada masa ini, bukan saja lawatan dalam negara, lawatan ke luar negara pun boleh diusahakan. Sebagai contoh tahun lepas kementerian telah menghantar beberapa orang peladang dan penternak sayur, ikan dan udang untuk melawat negara jiran seperti Indonesia dan Singapura. Bukan saja mengenai teknik peladangan, penternakan dan teknik perusahaan tapi berkenaan dengan pemasaran di negara berkenaan.

Setelah mereka pandai menghasilkan hasil pertanian dan peladangan, mereka juga boleh menjual bukan saja dalam negara tapi ke luar negara. Itulah antara bentuk bantuan yang dibuat oleh kementerian bagi membantu orang ramai, yang aktif dalam peladangan dan

pertanian untuk maju bukan saja dalam negara tapi sampai ke luar negara.

Berkenaan dengan persoalan buah durian tadi itu, kaola menjawab kemudian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* dan salam sejahtera. Merujuk kepada Tajuk SH01A002/000 - Pengurusan Pemuliharaan dan Perkembangan Biodiversiti. Kaola ingin mengetahui sekiranya adakah perkembangan mengenai Akta Perlindungan Hidupan Liar. Pada masa ini, seperti mana yang kita tahu, hanya terdapat 34 spesis binatang liar yang disenaraikan dalam Akta Kawalan Perlindungan Binatang. Namun masih banyak lagi spesis hidupan binatang liar yang perlu dilindungi seperti beruang madu dan tenggiling yang masih dijual beli melalui media sosial.

Merujuk kepada Tajuk SH06A 003/000 - Pematuhan dan Piawaian di bawah Jabatan Kemajuan dan Pelancongan. Apakah mekanisme-mekanisme yang telah digunakan oleh pihak kementerian bagi mengukur impak ataupun kesan negatif dari segi fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar akibat dari aktiviti-aktiviti pelancongan. Bagaimanakah pihak kementerian menguruskan impak-

impak tersebut. Sebagai contoh, terdapat beberapa tempat lawatan di Brunei tidak terurus iaitu sampah termasuk botol-botol kaca pecah dibiarkan begitu sahaja. Ekopelancongan di hutan-hutan rekreasi juga boleh mengakibatkan hakisan tanah, kerosakan kepada alam sekitar sekeliling hutan tersebut. Mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Kaola akan menjawab soalan mengenai kehidupan liar itu kemudian kaola menjawab kerana *it's a bit technical* bagi kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai pemantauan kesan aktiviti kepada alam sekitar terutama aktiviti ekopelancongan yang mungkin menyebabkan hakisan-hakisan. Kawasan-kawasan yang di *suspect* ada kesan-kesan hakisan, kalau dapat diberikan spesifik kali Yang Berhormat Pengerusi kaola menjawab kalau tidak secara umum. Boleh Yang Berhormat terangkan secara spesifik sebagai contoh?

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Yang ini mungkin dari segi *prevention* bukannya melaporkan tentang ada hakisan tetapi apakah pencegahan yang dapat dibuat sebelum ia berlaku bagi memastikan nanti, *infact*

tourism ramai sebagai contoh bagi mengelakkan daripada berlakunya hakisan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Sebagai contoh yang paling jelas, produk kita yang berupa ekopelancongan, ini adalah orang melancong ke Temburong dari Bangar ke Batang Duri ke Taman Ulu-Ulu Temburong. Seperti biasa, mana-mana struktur yang mereka buat itu akan melalui *procedure environment impact assessment* seperti yang dikehendaki pihak berkuasa di Kementerian Pembangunan.

Selanjutnya, kita beruntung masa ini kalau kitani lihat kerana kapasiti kita boleh membawa orang ke Taman Ulu Temburong itu cuma 100 orang sehari sahaja. Ia disebabkan perahu yang ada dalam 20 buah sahaja. Setiap perahu hanya dapat membawa 4 ke 5 orang sahaja. Ertinya 100 orang sehari. Sama juga dengan *canopy* di atas yang kapasitinya pun 100 orang sehari sahaja ertinya 5 orang setiap setengah jam sahaja. Setiap jambatan ada hadnya tidak boleh lebih daripada 5 orang.

Jadi dengan sendirinya keadaan yang ada pada masa ini sudah merit kepada menjaga alam sekitar. Kita tidak akan mempunyai cita-cita sampai 1,000 orang sehari, buat masa ini untuk melawat Batang Duri dan Ulu Temburong itu. Bukan mudah untuk ke sana menggunakan perahu Temuai itu. Perahu Temuai itu bukan mudah untuk membuatnya. Perahu Temuai cuma sekali sahaja ke ulu dan ia menunggu

dan balik juga, tidak balik-balik disebabkan ada had juga.

Dari segi keselamatan pun diambil kira misalnya segala struktur di ulu dan di Batang Duri yang digunakan oleh pelancong-pelancong sama ada dalam luar negara akan diaudit sepanjang masa. Mesti diaudit oleh orang ataupun autoriti yang kompeten. Kalau ia belum diaudit kementerian melalui Jabatan Pelancongan akan menutup kemudahan itu daripada digunakan orang. Jadi untuk memastikan keselamatan. Barangkali itu sahaja buat masa ini, dan akan cuba diusahakan impak kepada *environment*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَسْتَأْذِنُكُمْ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola bercakap tentang Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola melihat kesungguhan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah pun merangka Pelan Strategik bagi menggerakkan semua bentuk agenda pembangunan negara dan kaola yakin agar semuanya itu akan dicapai dengan jayanya. Kaola sangat tertarik dengan Pelancongan Islam dan ia sememangnya berpotensi dikembangkan sebagai pendekatan dalam mempelbagaikan aktiviti pelancongan melalui penglibatan masyarakat bagi menjana pelbagai produk pelancongan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin tahu sejauh manakah perkembangan aktiviti pelancongan berkonsepkan Islam ini? Dalam Negara Brunei Darussalam telah berkembang industri pelancongan dan apakah perancangan dirangka oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam mewujudkan produk dalam Pelancongan Islam yang menarik dan berdaya saing?

Kaola juga ingin mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan agar dapat memberikan penerangan kepada masyarakat tentang potensi industri Pelancongan Islam dan mengadakan kursus-kursus yang bersesuaian seperti Penyelia Perkhidmatan Pelancongan Islam.

Di samping mempertengahan kegiatan keagamaan seperti kelas-kelas Al-Quran, Majlis Sambutan Hari Raya Korban dan sebagainya diadakan di masjid-masjid, mukim dan kampung sama ada dikendalikan oleh pihak masjid Jawatankuasa Majlis Takmir Muslimah dan Belia Masjid, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Jawatankuasa Persatuan Belia dan Kebajikan agar dapat dikendalikan produk Pelancongan Islam yang menarik di Negara Brunei Darussalam.

Bagi program lawatan ini kesemuanya unik untuk mempunyai nilai warisan yang berharga bagi mengetengahkan cara hidup orang-orang kitani Brunei yang kuat beragama serta sebagai usaha untuk menggalakkan masyarakat kita Brunei lebih kreatif menjana pendapatan

melalui industri Pelancongan Islam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan Pelancongan Islam ianya adalah satu agenda yang memang sedang diteliti untuk ditekankan bagi kita untuk mempromosinya di Negara Brunei Darussalam ini. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita banyak potensi ataupun aset yang boleh kita gunakan sebagai menyerlahkan keunggulan kita dalam beragama Islam sebagai satu tarikan orang ramai ke mari.

Satu cadangan yang sedang dibuat oleh pihak kementerian ialah dengan menggalakkan orang ramai di rantau ini menggunakan Negara Brunei Darussalam sebagai *'transit point'* bagi orang-orang yang mengerjakan umrah ke Makkah misalannya jemaah-jemaah dari negara China, Korea dan juga rantau *ASEAN*, mungkin dapat menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu sebagai transit mereka sebelum mereka ke Jeddah, menggunakan sama ada kapal terbang Brunei, *RBA*, ataupun menggunakan kapal terbang Arab Saudi. Jadi ini memerlukan kerjasama daripada *travel-travel agent* yang tertentu dan kita tahu ada beberapa *travel agent* yang memang fokus kepada umrah.

Abis kaola Yang Berhormat Pengerusi memang sudah berbincang dengan ejen berkenaan supaya mereka dapat membawa jemaah-jemaah bukan sahaja dari Negara Brunei Darussalam tetapi dari negara China. Banyak penduduk

Islam di negara China dapat dibawa ke mari dahulu, mereka menghadiri kursus mengerjakan umrah untuk menghalusi bagaimana cara mengerjakan umrah sebelum berangkat ke Jeddah. Balik ke Brunei semula akan disambung mungkin sehari dua hari untuk dapat kita mengongsikan cara hidup dan cara kitani mengamalkan Islam yang dapat mereka pelajari setelah mereka pulang ke negara asal mereka.

Selain itu, menggunakan aset yang ada di Negara Brunei Darussalam seperti *architecture*, yang terdapat di Masjid Omar Ali Saifuddien, Jame' Asri Hassanil Bolkih, dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan di institusi-institusi masjid dan juga institusi-institusi pendidikan seperti UNISSA, UBD dan sekarang yang terbaharu adalah di Balai Pameran Tamadun Islam di bawah kawalan Jabatan Mufti Kerajaan.

Kesemua ini akan dikumpulkan (*packaged*) belum selesai minta maaf, jika selesai nanti akan dipakej semuanya dan dijadikan sebagai satu produk Pelancongan Islam. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Yang Berhormat Pengerusi, kaola menjunjung tinggi saranan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung itu dan akan diusahakan dan terima kasih atas cadangan itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimerianty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَلَسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh Tajuk SK06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan 004/000 mengenai Promosi dan Pemasaran Pelancong khusus di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bukan sahaja pintu masuk (*gateway*) kepada negara tetapi ia juga pengenalan kepada budaya. Pada masa ini masih belum banyak usaha dapat dilihat mempromosikan perkhidmatan serta pendedahan kepada pengenalan budaya dalam industri pelancongan di lapangan terbang.

Apakah strategi kementerian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam industri pelancongan berkaitan dengan penginapan, pemandu pelancong, pengusaha serta pembekal perkhidmatan berkaitan dengan pelancong? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai aktiviti promosi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sebenarnya beberapa *catalogue, leaflet* mengenai

pelancongan Brunei sudah ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei iaitu di tempat ketibaan, hanya malangnya *leaflet* ini selalunya habis kalau 100-200 sehari habis kena ambil macam itu sahaja. Ini memerlukan perbelanjaan jua untuk memastikan sentiasa ada dan kitani menggunakan cara lain secara *online* dengan kerjasama penyelia-penyelia telefon untuk memasukkan informasi pelancongan ketika orang membeli simkad dan ataupun membuka telefon mereka jadi keluar terus *advertisement* berkenaan dengan kawasan-kawasan menarik di Negara Brunei Darussalam atau pun siapa yang harus dihubungi sekiranya mereka mahu menjelajah kawasan-kawasan pelancongan di Brunei ini. Kedua, secara *online Facebook, Instagram* dan lain-lainnya itu.

Cara promosi ini seperti yang koala nyatakan tempoh hari ada berbagai-bagai cara, kebanyakan cara *online* untuk menjimatkan kewangan dan untuk lebih efektif kepada orang-orang yang ingin tahu itu. Cara yang terbaharu lagi pada masa ini, kira-kira 3 bulan yang lalu, kaola menggunakan kaedah *joint-venture* berkoordinasi antara *travel agent, Royal Brunei, hotel especially Empire Hotel and Country Club*, dan juga *Brunei Tourism Board* dan Jabatan Pelancongan berhasil menggunakan *chartered flight* ke Korea dan China. Ini cara kitani untuk memperkenalkan Brunei buat permulaan sebelum kitani barangkali mengadakan *regular flight* ke tempat-tempat berkenaan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan Korea, dua bulan lepas 1,500 orang sudah datang ke Brunei dan *booking so far* dalam 2,000 orang lagi akan datang ke negara ini. Mungkin akan bertambah lagi pada tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Jadi kaedah inilah yang akan digunakan. *I think* berbagai-bagai cara dan Yang Berhormat tanyakan tadi di *airport* memang sudah dibuat tetapi tidak cukuplah leaflet itu *that's why* secara *online* itu digunakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Koala mohonkan izin untuk menambah sedikit dari penerangan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai makluman-makluman yang berhubung dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Memang ini satu perkara yang sedang diusahakan jua oleh pihak Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei khususnya di Jabatan Penerbangan Awam. Ketika ini satu bahagian yang penting, kitani perlu kemukakan dalam sektor pelancongan ialah bahagian ketibaan. Bahagian ketibaan sekarang ini dalam proses pengubahsuaian. Apa yang koala maksudkan di mana kaunter-kaunter

yang diperlukan oleh pihak pengunjung ke Negara Brunei Darussalam khususnya seperti maklumat mengenai hotel, maklumat mengenai penukaran wang, maklumat mengenai telefon bimbit, maklumat mengenai penyewaan kereta dan sebagainya akan diadakan dalam satu kaunter.

Masalahnya ketika ini kawasan tersebut digunakan untuk tempat makan dan kawasan itu akan diubah di luar dan tempat makan yang ada sekarang ini akan digunakan satu kaunter dikhususkan untuk maklumat pelancongan di Negara Brunei Darussalam. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudahan hasrat kitani akan tercapai.

Kontrak-kontrak yang ada sekarang ini yang tempat-tempat makan akan ditunggu sampai mansuh dan dipindah keluar dan kawasan itu akan digunakan khusus untuk tempat maklumat pelancongan.

Yang kedua ialah mengenai penggunaan *ICT*. Barangkali pernah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memaklumkan apabila sahaja orang itu sampai ke Negara Brunei Darussalam, keluar dari pesawat dengan sendirinya ada maklumat *frequency telephone* dapat disalurkan mengenai maklumat pelancongan Ini merupakan satu kaedah yang lebih moden dan lebih berkesan apabila pengguna-pengguna telefon mula mengetik telefon setibanya di Negara Brunei Darussalam. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat koala terangkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga Yang Berhormat Menteri Perhubungan terhadap beberapa pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya berpendapat bahawa adalah sesuai sekarang Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini kita pertimbangkan sama ada untuk diluluskan atau sebaliknya. Saya sekarang ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mereka yang bersetuju dengan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, nampaknya semua bersetuju dan tidak ada menentang, maka Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diluluskan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka, sebagaimana lazimnya saya ingin memberi kesempatan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk meyampaikan mukadimah ataupun pengenalannya mengenai belanjawan Kementeriannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk memberikan mukadimah dalam perbahasan Belanjawan yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفَ الْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
السَّلَامُ تَلْبِيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih dengan ruangan kesempatan yang Yang Berhormat Pengerusi berikan bagi kaola menyampaikan mukadimah Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Peruntukan Belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2017/2018 disokong sebanyak \$235, 997, 730.00 iaitu kurang sedikit dari \$236 juta. Angka ini ada tertera dalam kertas No.20/2017, Anggaran Hasil Perbelanjaan Negara dalam Tahun Kewangan 2017/2018 Lampiran 1.8 Kementerian Hal Ehwal Ugama. Peruntukan tersebut adalah

untuk keperluan-keperluan seperti yang dinyatakan:-

1. Gaji Kakitangan sebanyak \$205,550,270.00 dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$30,447,460.00 yang ini tidak termasuk peruntukan kemajuan sejumlah \$23,997,000.00 untuk meneruskan projek-projek yang sedang disiapkan dan lain tanggungan untuk dibayar sebagaimana tertera dalam Kertas yang sama Lampiran 1.13 muka surat 2.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan peruntukan sejumlah itu **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sedaya upaya mengoptimalkannya untuk menjayakan 5 program fungsi utama kementerian iaitu:-

1. Pengurusan dan Pentadbiran;
2. Pemantapan dakwah termasuk ehwal masjid dan syiar bagi memastikan penyebaran dakwah dan syiar Islam yang berkesan serta memperkasakan amalan dan penghayatan beragama yang lazim diamalkan serta dihayati di negara ini sebagai cara hidup yang lengkap dengan melihat akan perancangan dari segi prasarana dakwah, aktiviti dan implikasi program yang dilaksanakan melalui masjid dan syiar;
3. Mendaulatkan Undang-Undang Syariah;
4. Pendidikan Ugama Berkesan; dan

5. Pensijilan Halal dan Label Halal yang efisien bagi meningkatkan pengurusan pensijilan halal dan label halal bagi memperkukuhkan keyakinan masyarakat dan sama-sama mendukung industri halal negara.

Pecahan peruntukan masing-masing 5 fungsi utama itu disokong seperti yang berikut:-

1. Pengurusan dan Pentadbiran sebanyak \$20,234,040.00 dengan Perbelanjaan Berulang-Ulang \$30,447,460.00;
2. Penyebaran dakwah dan syiar Islam \$26,801,640.00;
3. Perundangan Islam sebanyak \$6,628,280.00;
4. Pendidikan Islam sebanyak \$177,164.800; dan
5. Keselamatan Sosial sebanyak \$5,668,970.00.

Butir-butir selengkapnya ialah sebagaimana dalam Kertas No.2 yang kaola sebutkan tadi Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2017/2018 Lampiran 1.8 Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan mengalami pengurangan. Kementerian melihat pengurangan itu sebagai satu cabaran yang positif dan akan menggunakan aset-asetnya secara optimum akan bersikap positif dan

optimis sesuai dengan pegangan agama kita yang berpandukan firman Allah dalam sebahagian suratul Insyirah yang mafhumnya,

قَلِيلٌ مَّعَ الْعَشْرِ يُشْرَا ۚ إِنَّ مَعَ الْعَشْرِ يُشْرَا
 قَلِيلًا ۚ فَارْتَبِعْ فَاذْبَحْ ۖ وَإِنَّ رِزْقَكَ قَارِعٌ

“Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan, sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Apabila engkau telah selesai dari urusan dakwah dan jihad maka kerjakanlah bersungguh-sungguh urusan ibadatmu dan kepada Tuhanmu sahaja hendaknya engkau berharap”. Dalam kesempatan ini, sukacita kaola memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi bagi mengongsikan kepada sidang Majlis beberapa perkembangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam berbagai-bagai bidang.

Bidang Pendidikan. Skim Perguruan Ugama (*SPGU*) iaitu Skim Perkhidmatan Guru termasuk Guru Ugama. Skim ini diharapkan akan dapat memacu peningkatan kualiti pendidikan agama dan الْحَمْدُ لِلَّهِ sosialisasi atau pemberigakan mengenai *SPGU* ini telah pun dilaksanakan kepada semua tenaga pengajar bertujuan memberikan kefahaman tentang *SPGU*. Pada masa ini, Jabatan Pengajian Islam (*JPI*) dalam proses menyaring tenaga-tenaga pengajar yang memenuhi kelayakan yang dipersyaratkan untuk di migrate ke *SPGU*.

Peperiksaan Awam. Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama secara keseluruhan pencapaian lulus adalah meningkat kepada 94.2% berbanding tahun sebelumnya hanya 93.05% iaitu

peningkatan sebanyak 1.16%. Sebanyak 63 buah sekolah iaitu 46% berhasil mencapai keputusan 100% lulus. Pencapaian pelajar yang mencapai Gred 1 juga meningkat sebanyak 1.8% iaitu dari 64.94% mencapai gred 1 tahun 2015 kepada 66.74% tahun 2016. Pencapaian pelajar yang memperolehi pangkat 1 ini, telah juga mencapai *KPI* yang disasarkan oleh Kementerian bagi tahun 2015 iaitu 65.02%.

Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (*SPUB*). Bagi peperiksaan ini, peratus calon yang mendapat sekurang-kurangnya 4 jayyid (kepujian) adalah 94.78% iaitu ada penurunan hanya sebanyak 0.2%. Walaupun ada penurunan akan tetapi kualiti calon meningkat pada tahun ini iaitu peratus pelajar yang memperolehi 7 jayyid adalah sebanyak 79.14% iaitu meningkat sebanyak 3.75% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian pelajar-pelajar yang memperolehi *aggregate* 6 hingga 8 adalah sebanyak 18.05%. Pencapaian ini juga sekali gus melimpasi sasaran 16.54% *KPI* Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengenai peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (*STPUB*) pula, peratus pelajar yang mendapat jayid jidan (sangat baik) ke atas adalah sebanyak 68.71% berbanding dengan 60.50% pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 8.21%. Ini menunjukkan peningkatan kualiti pelajar di peringkat Pra-U sekolah-sekolah Arab malah kita juga gembira dengan prestasi pelajar yang memperolehi pangkat mumtaz mencapai

sebanyak 29.4% yang melebihi sasaran *KPI* Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sementara peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (*PSR*), bagi sekolah-sekolah Arab tahun 2016, secara keseluruhannya meningkat iaitu hampir 100% iaitu 99.88% berbanding pada tahun 2015 iaitu 99.56%.

Di samping itu, peratus pelajar yang memperoleh Gred 'A' kepada Gred C juga telah meningkat dari 91.6% kepada 96.63% iaitu peningkatan sebanyak 5.03%. Pencapaian ini **الْحَمْدُ لِلَّهِ** boleh dibanggakan dan disyukuri kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkenan. Selain itu juga, kita amat bersyukur pelajar-pelajar sekolah Arab telah mampu meningkatkan kualiti pencapaian dalam *PSR* iaitu mata pelajaran umum bahawa pelajar-pelajar mendapat 5A bagi tahun 2016 adalah sebanyak 21.88% meningkat sebanyak 3.08% dan memperolehi pangkat A, B sebanyak 67.79% meningkat sebanyak 5.03%.

Bagi mendukung pendidikan ini, prasarana pendidikan agama terus dilaksanakan iaitu untuk lebih kondusif daripada semasa ke semasa bagi kelangsungan pendidikan yang berkualiti. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** setakat tahun 2016 yang lalu melalui RKN 10, kerajaan telah menyediakan prasarana pendidikan agama baharu iaitu bangunan baharu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang mula diguna pakai pada awal tahun ini (2017) dan juga

Dewan Serba Guna Sekolah Agama Sultan Omar Ali Saifuddin Kuala Belait.

Manakala prasarana pendidikan yang masih dalam proses pembinaan dan dijangka akan siap pada tahun ini ialah Sekolah Arab Rimba serta Sekolah Agama Lambak Jalan Bedil. Bagi menyiapkan projek-projek ini dan komitmen yang ditanggung untuk dibayar sebanyak hampir \$24 juta itu sebagaimana yang kaola nyatakan tadi peruntukannya telah diberikan di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Seterusnya ialah bagi memperkasa pendidikan Bahasa Arab, Al-Quran dan amali agama. Usaha-usaha bagi memperkasa kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar, khususnya di sekolah-sekolah arab telah juga diberi perhatian utama. Pelbagai program dan inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan sama ada di peringkat sekolah, jabatan dan kementerian. Antara inisiatif yang diberi keutamaan pada masa ini ialah bagi mewujudkan suasana atau persekitaran berbahasa Arab *albiyatul al-arabiyah* di sekolah Arab. Inisiatif ini dikenal pasti dapat memperkasa kemahiran berbahasa Arab bagi seluruh warga sekolah bukan sahaja murid bahkan juga guru-gurunya.

Mengenai Pendidikan Al-Quran. Usaha-usaha terus dilaksanakan bagi memantapkan dan membudayakan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar seawal usia 7 tahun iaitu kelas pra-sekolah agama. Antara program yang dilaksanakan adalah 'Program Satu

Minggu Satu Juz' dan 'Skim Khatam Al-Quran di bawah Umur 10 Tahun'. Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam juga terus berusaha melaksanakan pelbagai program bagi tujuan memantapkan lagi amalan agama khususnya pelaksanaan sembahyang 5 waktu dalam kalangan pelajar.

Baru-baru ini kita mendengar titah yang menyebutkan angka yang agak *alarming* memeranjatkan sedikit apabila peratus murid-murid/pelajar dari semua peringkat rendah membawa kepada peringkat pengajian tinggi agak tinggi yang tidak melakukan sembahyang secara konsisten. Mereka bersembahyang tetapi secara konsisten 81% sedemikian itu. Jadi, usaha-usaha ke arah itu, sedang juga dilakukan setelah hasil daripada kajian yang dibuat oleh 2 kementerian iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dengan *findings* (penemuan) sedemikian usaha sedang dilakukan. Antaranya ialah sebagaimana pernah juga kaola sebutkan sebelum ini iaitu untuk memantau antaranya dengan mengadakan rekod sembahyang fardu bagi setiap pelajar.

Projek RKN 11 bagi pendidikan agama ia tertaklukkan kepada keadaan kewangan kerajaan pada masa akan datang. Yang besarnya ialah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang tanahnya telah pun diwartakan di satu kawasan di Kampung Limau Manis, mudah-mudahan keadaan kewangan kerajaan akan mengizinkan untuk projek ini

sekurang-kurangnya dapat dimulakan pada peringkat asasnya.

Pembinaan prasarana pendidikan agama, seterusnya juga dirancangan akan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-11 (RKN) dengan membina sekolah-sekolah agama. Ada 5 yang dirancangan dan selain itu untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tambahan bagi prasarana yang ada pada masa ini.

Mengenai bidang dakwah Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan berusaha bagi menyebarkan dakwah dan syiar Islam dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini. Usaha dakwah kepada masyarakat yang tidak beragama Islam terus diusahakan untuk menyampaikan ajaran ugama Islam yang suci dan mereka setelah itu bolehlah menimbang atau memikirkan untuk menjadikan Islam sebagai pegangan dan cara hidup yang lengkap.

Dalam tahun 2016 yang lepas, seramai 472 orang telah mendapat hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Jumlah ini Yang Berhormat Pengerusi kurang daripada sasaran 500 orang yang ditetapkan dalam *KPI* kementerian. Walau bagaimanapun, kalau melihat daripada perangkaan 7 ke 8 tahun kebelakangan membawa kepada tahun lepas memang angka 500 itu tidak sampai. Kadang-kadang lebih kurang daripada 500 atau kurang daripada 500. Pada keseluruhannya angka dalam 7 ke 8 tahun kebelakangan itu melebihi 500 orang.

Bagi masyarakat Islam, usaha-usaha padu bagi pengukuhan dan penghayatan beragama giat dilaksanakan. Umpamanya menyalurkan kefahaman yang betul mengenai akidah Ahli Sunah Waljamaah dan meningkatkan aktiviti-aktiviti takmir masjid. Usaha-usaha juga ditumpukan bagi meningkatkan orang ramai untuk bersembahyang berjemaah di masjid-masjid dengan slogan "Masjidku Makmur Negara Berkat".

Dalam hal masjid ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyambut baik kenyataan Yang Berhormat rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang menyatakan kerajaan akan membangun lebih banyak masjid dalam RKN ke-11 sewaktu Yang Berhormat merespons cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang menyentuh perkara itu dalam sesi ucapan sembah junjung kasih pada hari Selasa, 7 Mac 2017.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menarik perhatian di Dewan ini kepada hukum syarak tentang membina masjid atas pemerintahan kerajaan Islam dan juga **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** cadangan Yang Berhormat itu, bagi penggunaan hasil kutipan Tabung Dana Pembinaan Masjid dengan membina beberapa buah masjid kampung dalam satu-satu tempoh yang dirancang. Cadangan Yang

Berhormat itu akan diteliti lagi lebih lanjut di peringkat jawatankuasa berkenaan mengenai penggunaan tabung itu.

Untuk RKN ke-11, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagaimana juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), bahawa kerajaan akan membangun masjid dalam RKN ke-11 nanti dan bilangannya diperkirakan jika keadaan mengizinkan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** melebihi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kalau pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Ugama merancangannya sebanyak 11 buah, iaitu 6 buah di Brunei Muara, masing-masing 2 buah di Daerah Belait dan Daerah Tutong dan sebuah lagi di Daerah Temburong.

Dalam hal pembinaan masjid dan pemeliharaan masjid, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Tabung Dana Pembinaan Masjid yang dilancarkan tidak sampai pada 2 tahun yang lalu telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai sehingga akhir bulan Februari kutipannya mencapai \$4.6 juta. Projek pertama yang akan menggunakan Tabung Dana Pembinaan Masjid ini ialah pembinaan masjid Kampung Tanjung Bunut dengan peruntukan sebanyak \$3.56 juta. Pada masa ini, purata jumlah kutipan setiap bulan adalah sebanyak \$200,000.00 yang datang daripada tabung khas di masjid-masjid dan sumbangan tetap pegawai dan kakitangan kerajaan melalui potongan gaji.

Kaola sukacita mengambil kesempatan memaklumkan bahawa satu inisiatif baharu dalam sumbangan pegawai dan kakitangan kerajaan kepada tabung ini sedang diperkenalkan iaitu bagi membolehkan mereka menyumbang dari potongan gaji masing-masing sebanyak \$2.00 sebulan. Perlu diperjelaskan bahawa cadangan \$2.00 sebulan itu sumbangan bagi setiap warganegara perkhidmatan awam setiap bulan potongan dari gaji mereka bukannya mandatori. Malah sebagaimana juga namanya sumbangan, adalah seangkat-angkat hati ataupun boleh tidak, boleh juga ya.

Malah setiap individu masih mempunyai pilihan masing-masing sama ada ingin menambah atau mengurangi daripada jumlah cadangan atau mereka juga boleh jika tidak mahu menyertai skim ini. Tetapi melihat kepada bilangan pegawai dan kakitangan kerajaan sebelum skim yang baharu ini diperkenalkan pun Yang Berhormat Pengerusi, menunjukkan angkanya setiap bulan bertambah. Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat yakin dan positif mengalu-alukan sambutan yang baik daripada semua lapisan pegawai dan kakitangan kerajaan kepada skim ini.

Mengenai Tabung Dana Pembinaan Masjid iaitu membuat pembinaan masjid secara umumnya. Satu lagi tabung-tabung yang ada di masjid-masjid iaitu merupakan jemaah menyumbang kepada masjid tempat ia bersembahyang pada lazimnya. Tabung-tabung sedemikian itu diperuntukkan untuk kegunaan masjid. Maka dalam

mengoptimumkan penggunaan wang kutipan dari tabung-tabung masjid sedemikian beberapa inisiatif baharu akan diperkenalkan. Kemampuan dari masjid-masjid dari sudut kewangan akan dikategorikan kepada masjid yang berkemampuan dan masjid yang tidak berkemampuan ataupun yang sederhana dan kurang berkemampuan.

Ada sebanyak 117 buah masjid dengan termasuk beberapa buah surau dan Balai Ibadat, 47% atau hampir 50% daripada jumlah tersebut hanya mempunyai kewangan sekitar \$1,000 kalau tetap dalam sebulan. Kemudian daripada itu, ada beberapa buah masjid \$5,000 ke \$10,000, \$10,000 ke \$15,000, \$20,000 sampailah meningkat angka itu dan ada beberapa buah masjid memang mempunyai kewangan yang mantap. Kemampuan masjid dari sudut kewangan akan dikategorikan mengikut keadaan, selaras dengan pengkategorian itu.

Masjid-Masjid akan diberikan tanggungjawab menggunakan wang kutipan berkenaan bagi membiayai aktiviti pentadbiran masjid dan juga yang akan ditekankan lagi ialah bagi membiayai sebahagian pemeliharaan masjid seperti membayar sebahagian elaun tenaga pengajar Kelas Al-Quran dan Muqqadam, tenaga pembimbing kelas bimbingan muslimah dan pembayar khidmat *housekeeping* masjid-masjid yang pada masa ini dalam *term contract*.

Dalam Hal Ehwal Perundangan Syari'ah pula, Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memperkemas lagi Perintah Sijil Halal

dan Label Halal maka selari dengan keadaan dan kehendak semasa, langkah-langkah bagi mengadakan pindaan-pindaan tertentu telah dibuat. الْحَمْدُ لِلَّهِ Perintah Sijil Halal dan Label Halal Pindaan 2017 sedang dalam proses pewartaan dan akan berkuat kuasa beberapa bulan setelah tarikh ia diwartakan. Beberapa perkara penting diperuntukkan menerusi pindaan yang terkini itu, antaranya ialah seperti berikut:-

1. Mewajibkan permohonan Sijil/Permit Halal ke atas perkara yang berkaitan dengan penyediaan makanan di Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini, Akta tersebut adalah *voluntary*;
2. Meluaskan skop Pensijilan Halal (secara sukarela) kepada produk selain makanan termasuk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan (*logistic*) yang berkaitan dengan pengangkutan, penyimpanan atau pembungkusan dan sebagainya;
3. Meluaskan permohonan untuk mendapatkan Pensijilan Halal secara sukarela juga bagi perniagaan di luar Negara Brunei Darussalam;
4. Kuat kuasa di luar negeri adalah terpakai ke atas seseorang pemegang permit yang merupakan Rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau badan korporat yang didaftarkan atau diperbadankan di bawah undang-undang bertulis di Negara Brunei Darussalam; dan

5. Memperuntukkan kuasa untuk mengenakan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 itu.

Tempoh *grace period* 6 bulan, akan diberikan bagi mana-mana perniagaan untuk mendapatkan Pensijilan Halal sebagaimana berkenaan, iaitu bagi perniagaan yang telah beroperasi sejak sebelum pindaan ini berkuat kuasa, dalam tempoh 6 bulan selepas pindaan ini berkuat kuasa. Bagi perniagaan yang beroperasi sejak kuat kuasa pindaan ini dalam tempoh 6 bulan selepas beroperasi.

Perintah Sijil Halal dan Label Halal Pindaan, 2017 juga memperuntukkan kuasa menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau perniagaan tertentu dari kewajiban untuk memohon Pensijilan Halal tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditentukan.

Beberapa siri pemberigaan sedang dirancang oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai persediaan ke arah penguat kuasaan Perintah Sijil Halal ini dan usaha-usaha tersebut akan segera bermula apabila sahaja perintah pindaan tersebut diwartakan.

Dalam bidang undang-undang ini Yang Berhormat Pengerusi, seterusnya

sukacita kaola menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah komited untuk menjalankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah sesuai dengan hasrat dan komitmen negara untuk melaksanakannya mengikut fasa-fasa pelaksanaannya.

Sebagaimana yang dimaklumi, Kanun Hukuman Mahkamah Syari'ah telah mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2014 dengan pelaksanaan fasa yang pertama. Fasa-fasa berikutnya akan dilaksanakan mengikut keadah dan tempoh yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan secara berperingkat-peringkat adalah penting untuk membolehkan perancangan yang strategik dan tindakan-tindakan yang konkrit dari berbagai-bagai pihak supaya dapat diambil lebih dahulu untuk memastikan pelaksanaan Perintah Kanun pada fasa-fasa berikutnya akan berjalan dengan teratur dan sempurna.

Untuk setakat ini, kaola dapat mengongsikan beberapa tindakan awal, telah dan sedang diusahakan oleh berbagai-bagai agensi bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi agensi-agensi yang berkenaan juga kerana Perintah Kanun ini adalah sebahagian daripada undang-undang negara, iaitu:

1. Semua agensi yang terlibat bagi memenuhi Pelan Strategik pelaksanaan undang-undang berkenaan. Kedudukan langkah-langkah persediaan yang sedang diusahakan setakat ini dari segi

persediaan, penyediaan *standard operating procedure (SOP)* iaitu dari segi persediaan dari pihak penguat kuasa; pendakwaan; mahkamah pelaksana hukuman iaitu yang melibatkan Jabatan Penjara dan Kementerian Kesihatan; dan

2. Persediaan dari sudut latihan yang mana latihan pihak Penguatkuasa Ugama, Pasukan Polis dan Pendakwa Syari'e Pelaksana Hukuman, bukan melaksanakan hukuman saja-saja macam itu tetapi mesti juga cukup dengan latihan-latihan bagi perkara-perkara yang baharu yang bukan lazim dilakukan dalam undang-undang yang berjalan pada masa ini, termasuklah juga penyediaan infrastruktur kriteria dan bahan-bahan.

Berdasarkan kedudukan Pelan Strategik pelaksanaan undang-undang berhubung dengan tindakan dan perancangan pihak-pihak berkenaan itu, iaitu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sama ada dari sudut penyediaan *SOP*, latihan infrastruktur, tenaga manusia dan lain-lain perkara yang berkenaan seperti yang disebutkan tadi, maka dapatlah disimpulkan bahawa langkah-langkah persediaan telah dan sedang diambil mengikut perancangan yang diharapkan bagi membolehkan fasa kedua Perintah Kanun berkenaan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang bersesuaian.

Pelan Strategik bagi menyediakan persediaan yang kemas dan teratur dari berbagai-bagai aspek serta tindakan

konkrit dari semua pihak yang terlibat merupakan satu faktor yang sangat penting bagi menentukan keberhasilan atau kejayaan di dalam melaksanakan apa juga perancangan, lebih-lebih lagi dalam perkara Undang-Undang Syari'ah ini, iaitu bagi melaksanakan suatu tugas yang sangat besar, pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah. Usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan dengan penuh keazaman dan iltizam serta yang penting sekali ialah bagi menjamin keadilan dan pelaksanaan secara profesional.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan berharap dengan penerangan dalam mukadimah ini akan membuka ruang bagi kitani membincangkan lebih lanjut dan lebih produktif untuk menyokong perbelanjaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penjelasan-penjelasan mengenai dengan terutamanya sasaran-sasaran dan perancangan bagi kementerian Yang Berhormat itu tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dahulu untuk membolehkan kita berehat selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebelum Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan untuk berehat sebentar tadi.

Kita telah pun mendengar ucapan pendahuluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2017/2018. Sekarang Tajuk ini akan saya bukakan untuk dibahaskan. Bersama saya ada senarai nama Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis yang suka untuk turut serta membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya mulakan denga mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola ada 2 soalan:

1. Kepentingan membaca Al-Quran sebagai teman sejati dan panduan

hidup sering ditekankan. Kitab suci Al-Quran mengandungi pelbagai pedoman dan rahsia yang tersirat untuk kebahagiaan duniawi dan ukhrawi. Kaola ingin merujuk kembali kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Musabaqah Membaca Kitab Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1438 bersamaan 2017.

Baginda menekankan kepentingan guru serta sistem pengajaran dan pengawasan pembacaan Al-Quran.

Baginda juga mengariskan mengenai pentauliah guru-guru *private* khususnya bagi pengajaran pembacaan Al-Quran dan amali sembahyang. Soalan kaola.

2. Apakah langkah-langkah atau perancangan yang telah dan yang akan diambil oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan guru-guru *private* ini mempunyai tauliah selaras dengan ketetapan undang-undang di samping menjamin mutu pengajaran dan mengawal kesahihan ajaran agama menurut fahaman dan amalan di negara kita ini?

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memeduli dan memelihara

kesejahteraan dan kebajikan umat Islam khususnya Asnaf Fakir Miskin di negara ini. Mengikut laporan statistik Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam (MUIB) jumlah Asnaf Fakir Miskin di negara ini setakat Tahun 2016 berjumlah sekitar 9586 orang termasuk ketua keluarga dan tanggungan masing-masing.

Soalan kaola. Apakah strategik pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan dan yang bukan kerajaan yang lainnya. Dalam memantau dan memastikan golongan Asnaf Fakir Miskin ini tidak bergantung sepenuhnya pada bantuan agihan zakat. Sebagai misal dibekalkan dengan bantuan dari segi peralatan, modal perniagaan ataupun program-program peningkatan pengetahuan kemahiran dan tunjuk ajar agar mereka ini dapat berdiri? Sekian .

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat yang mengemukakan 2 soalan. Pertama berhubung dengan kepentingan bacaan Al-Quran iaitu bagi memastikan pengajaran yang betul, kualiti serta termasuk amalan-amalan.

Apakah langkah kementerian untuk memastikan guru-guru yang diambil secara *private*, sebagaimana titah pada malam itu mendapat tauliah? Kaola ingin menyatakan lebih dahulu bahawa tauliah mengajar agama dan mengajar

membaca Al-Quran diatarkan di bawah undang-undang yang ada pada masa ini.

Kepada guru-guru *private* yang bukan bertugas ataupun dalam bidang keagamaan. Setakat ini misalnya Majlis Ugama Islam menubuhkan satu Jawatankuasa Bahagian Tauliah untuk memeriksa mereka itu ditemuduga dari segi Al-Quran, bacaannya. Kalau dari segi agama, amalan-amalannya atau rujukan-rujukan kitab-kitab dan sebagainya. Jadi, berdasarkan kepada menepati kehendak dari segi *standard* pengajaran kalau Al-Quran ertinya bukan saja pandai membaca malah membaca dalam erti kata bertajwid dan teratur.

Ada setengah-setengah permohonan untuk mengajar Al-Quran hatta dari kalangan lepasan pengajian tinggi dalam bidang agama yang tidak dapat diluluskan berdasarkan pemeriksaan kriteria-kriteria ataupun kaedah-kaedah tertentu yang dikehendaki oleh jawatankuasa tersebut.

Begitu juga dalam bidang amalan-amalan dikirakan mereka itu tidak dapat menyebarkan amalan-amalan sebagaimana yang kita biasa amalkan di negara ini. Kalau mereka itu nampak-nampaknya akan membawa ajaran-ajaran atau amalan-amalan yang berlainan daripada ajaran dan amalan agama yang lazim mereka tidak diluluskan.

Pada setakat ini kaola ingin menyebutkan kebetulan diberikan oleh Majlis Ugama Islam mengenai datanya. Warganegara Brunei Darussalam yang telah dikeluarkan tauliah sebanyak 173 orang setakat ini iaitu bagi mengajar Al-Quran

66 orang, mengajar agama 45 orang dan mengajar Al-Quran agama dan berceramah agama seramai 72 orang. Status orang-orang yang memohon ini ialah lepasan pengajian tinggi sama ada dari dalam atau luar negeri, mahasiswa mahasiswi pengajian tinggi yang pada masa ini sedang belajar dalam negeri dan persara-persara perkhidmatan awam yang mempunyai kebolehan seperti guru-guru agama dan sebagainya.

Daripada bukan dari warganegara Brunei ataupun bukan tempatan mereka diberikan tauliah tempoh untuk satu tahun sahaja. Sementara bagi warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk tetap diberikan tempoh 2 tahun. Bagi warganegara asing tauliah yang dikeluarkan adalah sebanyak 41 orang, mengajar AL-Quran seramai 35 orang, mengajar Bahasa Arab 4 orang, Al-Quran, agama dan berceramah 2 orang. Mereka ini adalah guru-guru Al-Quran secara jawatan bagi syarikat-syarikat, sekolah-sekolah dan juga pihak-pihak swasta iaitu seramai 23 orang terdiri daripada guru-guru mereka. Guru Bahasa Arab jawatan bagi sekolah-sekolah swasta seramai 4 orang, Peguam Syarie, Pekerja Buruh ataupun *domestic workers* termasuk amah, *driver*, mereka juga meminta tauliah dan mana yang layak ditauliahkan.

Jadi untuk memastikannya itu memanglah ada aturan-aturan dan dari semasa ke semasa perkara ini diambil perhatian, kalau ada laporan-laporan daripada orang ramai selain pemantauan pihak-pihak berkuasa agama iaitu Penguat Kuasa Ugama di Jabatan Syariah untuk memantau keadaan ini.

Jika ada hal-hal yang tidak selari atau hal-hal yang boleh dikatakan membawa kepada pengajaran-pengajaran yang tidak selari dengan amalan-amalan di negara ini akan segera diambil tindakan-tindakan yang bersesuaian.

Yang kedua, berhubung dengan asnaf zakat. Memang betul angka yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa angkanya sebanyak 9,586 termasuk keluarga. Mereka ini menerima bantuan secara tetap bulanan untuk tempoh 24 bulan. Kalau mengikut perangkaan pada masa ini dari 2016 ke 2017. Dikumpul 4 bulan kemudian 2017 hingga tahun depan 2018 dua tahun. Kira-kira daripada Kumpulan Wang Zakat yang diagihkan kepada mereka secara sudah diakui bagi komitmen tahun 2016/2017, 2017/2018 ini hampir \$36,000,000.00 yang meliputi bantuan kewangan, persekolahan, bantuan asasi, bantuan tempat kediaman. Ini dalam masa 24 bulan tidak termasuk agihan menjelang hari raya yang juga dalam jumlahnya kalau dalam tahun 2016 semuanya \$9 juta.

Jumlah ini besar ditambah lagi dengan jumlah bantuan-bantuan perumahan, bantuan-bantuan dari jenis berkala misalnya membayarkan yuran sekolah, perubatan bagi pesakit-pesakit Islam yang tidak mempunyai kelayakan untuk mendapatkan subsidi perubatan ataupun perubatan percuma sebagai rakyat.

Kalau mereka itu layak maka diberikan juga bantuan-bantuan bayaran perubatan dan termasuk juga bayaran modal untuk berniaga, untuk membiayai

rancangan *propose* dan *propose apprentice* iaitu latihan-latihan dan termasuk juga untuk membayarkan hutang bagi Asnaf Gharimin jadi jumlah yang kaola sebutkan terakhir ini sekitar 6 ke 7 juta jumlahnya. Jumlah kesemuanya dalam sekitar \$46 juta membawa ke \$47 juta.

Jadi bagaimana wang sebanyak ini? Inilah yang kita fikirkan. Wang yang sebanyak ini adakah menyambung kehidupan mereka? Memang itu tujuan zakat. Tujuan zakat ada asnafnya yang berhak menerima zakat, ada zakat yang terkumpul dan asnaf yang berhak menerima. Maka yang terkumpul ini wajib diberikan kepada mereka.

Sejauh mana ia mendatangkan kesan kepada masa hadapan mereka itulah namanya dirancang. Kalau pada masa ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai perancangan untuk mencapai satu-satu *KPI* bagi Hal Ehwal Kebajikan Sosial Rakyat di negara ini.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan peneraju bagi kesejahteraan sosial ini. Ada 2 kementerian beserta dengan beberapa kementerian yang menganggotai jawatankuasa sama-sama memikirkan bagaimana mengangkat taraf orang-orang yang bergantung pada bantuan zakat, agihan zakat, kebajikan JAPEM boleh dikeluarkan dari kepompong kemiskinan.

Itu satu strategi tetapi strategi yang dapat diperkenalkan telah disebutkan

antaranya ialah untuk mengenal pasti orang-orang yang layak untuk bekerja, diberikan latihan-latihan yang tertentu supaya mereka ini tidak selama-lamanya bergantung pada bantuan-bantuan. الْحَمْدُ لِلَّهِ pembayar-pembayar zakat, melebihi 4,000 orang termasuk beberapa buah syarikat untuk membayar zakat perniagaan mereka dan mengikut angka tahun lepas lebih \$17 juta terkumpul.

Jadi ada zakat ada yang berhak. Maka zakat yang berhak yang terkumpul ini diserahkan kepada yang berhak. Itu satu *pointnya*. Sejauh mana ia akan dapat menghilangkan pergantungan pada zakat, ini banyak faktor yang mengikat. Pertama kalau kebetulan mereka itu tidak layak dari untuk bekerja kerana faktor umur, kerana uzur dan sebagainya itu satu perkara yang jelas. Kalau mereka itu layak untuk bekerja dan masih boleh berusaha, inilah usaha kita untuk menjadikan mereka itu benar-benar bergantung pada tenaga mereka yang masih boleh bekerja dan sebagainya.

Cuma satu perkara mengikut pemerhatian Kementerian Hal Ehwal Ugama sekalipun mereka itu dari kalangan orang yang bekerja tetap termasuk pegawai kakitangan kerajaan peringkat rendah Divisyen V dan sebagainya mempunyai keluarga yang ramai dan mempunyai komitmen yang banyak seperti membayar rumah, kereta dan sebagainya tidak mencukupi untuk menampung kehidupan.

Kadar kecukupan itu diambil kira dalam memberikan mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk seseorang termasuk dari kategori untuk

menerima atau tidak menerima zakat. Pada masa ini termasuklah kalangan yang bekerja dan mempunyai pendapatan di sektor kerajaan dan di sektor *private* yang tidak kecukupan juga mendapat agihan tersebut.

Kitani tidak dapat menyesali hal ini. Dari segi agama kaola dapat bercakap perkara ini tidak boleh dikesali. Ini fenomena yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala sedemikian. Orang mungkin berkira fenomena ekonomi dihitung dengan angka-angka tetapi kaola melihat dari segi keagamaan bahawa yang penting ialah hikmahnya.

Bagi Negara Brunei Darussalam ada pembayar zakat dan ada penerima-penerimanya dan zakat ini diurus dengan baik. الْحَمْدُ لِلَّهِ di Brunei sekalipun seramai 9,000 Yang Berhormat Pehin sebutkan tadi fakir dan miskin tidak ada yang meminta sedekah di jalan-jalan.

Di Negara Brunei Darussalam الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan adanya zakat sedemikian ini, kehidupan orang yang susah itu tertampung. Jadi kita tidak dapat menyesali semata-mata kerana mereka ini bergantung-bergantung. Tetapi pergantungan mereka itu ada faktor-faktornya macam yang kaola sebutkan tadi. Misalannya tidak kecukupan. Yang bergaji Divisyen V, \$455.00 minimumnya ditambah dengan elaun-elaun \$650-\$670, mempunyai anak 5 orang masih bersekolah. Atau ada anak yang sudah lepas bersekolah tapi belum bekerja. Jadi \$600 tinggal di luar bandar menaiki kereta kenderaan awam yang tidak seefisien yang kita akui pada masa ini.

Mereka bukan saja terpaksa membeli kereta, membayar minyak, tinggal di luar bandar tentu perbelanjaan minyak lebih besar dan untuk membayar kereta mereka tidak mempunyai kecukupan wang untuk dibayar tunai tetapi dengan secara berhutang, terpaksa dibayar dan sebagainya.

Jadi keadaan ini **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kaola bersyukur ada pembayar zakat di Negara Brunei Darussalam secara konsisten. Antara \$16 juta ke \$18 juta setahun dan dengan itu keadaan sosial kita boleh dikatakan mantap dan menyumbang kepada kemantapan negara pada keseluruhannya. Cita-cita kita untuk mengangkat taraf mereka memang ada dalam program-program itu Yang Berhormat. Program PROPAZ untuk mengangkat taraf mereka mempunyai kelayakan untuk memberikan mereka modal, ada program-programnya dan mereka tampillah memohon kepada bahagian zakat untuk dipertimbangkan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ** Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bertanya mengenai perancangan bagi menggubal suatu akta khusus untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan, pengedaran dan

pelupusan teks Al-Quran dan bahan Al-Quran termasuk peruntukan tatacara berkaitan dengannya dan hukum-hukum bagi kesalahan yang dilakukan.

Pada masa ini Al-Quran dan bahan-bahan Al-Quran terdapat dalam pelbagai kegunaan. Antaranya dalam bentuk penerbitan, percetakan seperti buku, surat khabar, majalah, cenderamata, barang perhiasan, hiasan berbingkai, cakera optik termasuk *CD, VCD, DVD, memory card, ipad*, telefon bimbit, *sticker, poster*, kain rentang, pakaian dan ukiran. Al-Quran adalah wahyu daripada Allah sebagai petunjuk kepada manusia. Oleh itu ayat-ayat suci Al-Quran perlulah dipelihara dengan baik dari segi pembuatan, pengendalian, penjualan dan termasuklah pelupusannya. Dengan adanya akta tersebut maka setiap aspek pengendaliannya akan dapat mengawal pencemaran, kemuliaan dan kesucian Al-Quran memandangkan:

1. Percetakan dan pembuatan buku, kain rentang, *poster*, hiasan bangunan dan sebagainya dikendalikan sebahagian besar oleh orang yang bukan beragama Islam.; dan
2. Terdapat penjualan yang dilakukan di tempat yang jijik dan tercemar seperti bersebelahan dengan tandas, kawasan penjualan daging haram dan seumpamanya.

Pengawalan yang ada pada masa ini tidak mencukupi kerana tidak ada peruntukan bagi menghukum mereka yang membuat kesalahan kecuai:

1. Peruntukan yang terdapat dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 Bab 111 – Mempermainkan dan lain-lain ayat Al-Quran, hadis atau perkara yang wajib dengan ijma’.; dan
2. Akta Wajib Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Bab 188,-Buku-Buku Agama dan Bab 189-Menyalahgunakan Al-Quran telah dimansuhkan dan digantikan dengan Bab 213, 214 dan 215 di bawah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Untuk makluman akta khusus untuk mengawal percetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan, pengedaran dan penghapusan teks Al-Quran dan bahan Al-Quran terdapat di negara jiran kita, Malaysia dan Indonesia. Pertanyaan kaola. Sekiranya perkara tersebut di atas telah dan sedang dalam proses untuk diaktakan, bilakah ia akan berkuat kuasa? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri tadi juga ada menyebutkan beberapa undang-undang termasuk kanun yang baharu dan juga akta-akta untuk mengawal setakat mana yang boleh mengawalinya.

Kalau dari segi penerbitan. Pada masa ini akta yang kita pakai ialah di bawah Akta Penerbitan Yang Tidak Diingini di bawah kuat kuasa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan dalam bidang penerbitan-penerbitan agama diserahkan kepada

Pusat Da’wah Islamiah dan berjalan sebagaimana adanya pada masa ini.

Misalannya pencemaran ataupun penyalahgunaan dan sebagainya, ada akta dan undang-undangnya sebagaimana yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Pelupusan juga, aturan-aturan bagi pelupusannya ada prosedurnya yang sudah dibuat mengenainya. Tinggal lagi bagaimana untuk melengkapkan akta-akta atau undang-undang yang sedia ada. Itu satu perkara yang sangat menarik dan pertanyaan Yang Berhormat sangat relevan terutama sekali mengenai mushaf Al-Quran dan apa-apa juga yang berhubung dengan ayat-ayat Al-Quran yang diterbitkan.

Kita pada setakat ini bergantung pada akta yang berkaitan dengan Penerbitan-Penerbitan Yang Tidak Diingini. Jadi penapisan kepada mushaf-mushaf yang dimasukkan ke negeri ini adalah di bawah sedemikian itu. Ini dirasakan tidak meliputi selengkapnya sebagaimana yang dihasratkan kerana mushaf-mushaf itu setakat huruf-huruf, ejaan-ejaan dan makna-maknanya tetapi juga bukan sahaja dalam mushaf yang 30 juzuk bahkan seperti mana yang kita sendiri menerbitkan dalam negeri setiap musim perayaan Hari Keputeraan, Hari Kebangsaan dan hari-hari kebesaran Islam kita menerbitkan ayat-ayat Al-Quran dan ini tidak terkawal. Memang ada pemikiran untuk membuat satu aturan atau undang-undang yang tertentu khusus mengenai perkara ini.

Kalau di negara jiran kita memang ada khusus satu Lembaga Penyemak Mushaf Al-Quran di bawah kuat kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di negeri Malaysia. Mengapa ia di bawah kuat kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia kerana bidang yang akan dikenakan dalam undang-undang itu bukan bidang-bidang yang tertakluk kalau diserahkan kepada negeri.

Kalau bidang agama sahaja tertakluk kepada negeri-negeri kerana kuasa-kuasa agama adalah kuasa-kuasa negeri di bawah perlembagaan negeri berkenaan iaitu Malaysia tetapi oleh kerana isunya itu ialah isu yang mesti dilihat di peringkat *federal*, maka undang-undang itu adalah bersifat undang-undang persekutuan kerana itulah ia diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam konteks kita di Negara Brunei Darussalam, kitani mesti melihat bahawa Undang-Undang Penerbitan Yang Tidak Diingini secara umum ia di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi jika berhubung dengan penerbitan-penerbitan agama khususnya mushaf ini di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ugama. Bidang agama adalah bidang Majlis Ugama Islam Brunei dan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah *arms* Majlis Ugama Islam.

Oleh yang demikian, bilakah undang-undang yang dirasakan perlu untuk diadakan? Mudah-mudahanlah dengan berkat semua, kitani berdoa perkara itu akan dapat diadakan pada masa yang

terdekat nanti. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menimbulkan perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kaola sukacita merujuk Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama:

1. Dicadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama mengkaji dan mempertimbangkan dasar pengambilan calon Sekolah Arab yang melibatkan pelajar Tahun 4 di sekolah-sekolah umum. Perkara ini menjejaskan prestasi sekolah umum kerana banyak pelajar yang berkualiti berpindah ke Sekolah Arab yang sekali gus menjejaskan keputusan peperiksaan PSR di sekolah umum. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan Sekolah Arab, bermula dari prasekolah untuk memungkinkan pelajar berkenaan mantap dan fasih berbahasa Arab dan memudahkan ibu bapa memilih sekolah;

2. Dicadangkan ada kesinambungan bagi penubuhan Sekolah Menengah Arab Atas di Daerah Belait iaitu sehingga ke Tingkatan 5 atau 6, yang pada masa ini hanya setakat menengah bawah iaitu Tingkatan 2 sahaja. Dipohonkan agar cadangan itu dapat dimasukkan dalam RKN seterusnya nanti; dan
3. Penuntut yang memasuki Sekolah Arab yang datangnya dari pedalaman di Daerah Belait supaya akan diberi kemudahan tempat tinggal atau seumpamanya. Jika pun tidak ada kemudahan tersebut, maka penuntut ini mestilah diarahkan untuk memasuki Sekolah Mahad Islam Tutong atau Sekolah Arab yang mempunyai asrama tanpa ibu bapa perlu menghadapkan surat permohonan pertukaran sekolah kepada Jabatan Pengajian Islam, Daerah Belait.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat tadi mengemukakan 3 perkara iaitu agar Kementerian Hal Ehwal Ugama memulakan persekolahan Arab dari peringkat pra.

1. Perkara ini boleh kitani lihat untuk perancangan jangka masa hadapan dari segi keperluannya dan kesesuaiannya yang kitani fikirkan dengan keupayaan persekolahan sedemikian. Mengenai perkara yang

kaola dengar tadi, mengenai cara pengambilan calon Sekolah Arab pada masa ini bagi murid-murid Tahun 4 terdiri daripada yang berkaliber, cerdik dan maju masuk ke Sekolah Arab, yang menyebabkan sekolah umum kehilangan bakat-bakat tersebut, sepatutnya tidaklah boleh dikatakan sedemikian. Para ibu bapa mempunyai hak untuk memilih Sekolah Arab atau mana-mana sekolah untuk anak mereka, dan ini adalah pilihan mereka masing-masing.

Oleh yang demikian, kitani jangan lupa bahawa sebagaimana yang kaola bentangkan tadi, pencapaian-pencapaian Sekolah Arab, bukan sahaja dalam bidang mata pelajaran Arab dan agama bahkan mereka juga diberikan mata pelajaran dalam bidang peperiksaan umum seperti PSR, 'O' Level, 'AS' dan 'A' Level adalah selaras dan mereka itu ialah terdiri daripada anak-anak kitani. Oleh yang demikian, daripada mana sekolah umum pun anak-anak tersebut belajar, termasuk Sekolah Arab, mereka adalah anak-anak Brunei. Apapun pencapaian mereka dalam bidang tersebut, disebut juga anak-anak Brunei mencapai suatu kejayaan. Oleh itu, kitani harus berbangga kerana di mana-mana pun ia belajar, ia dapat mencapai suatu taraf pelajaran yang baik mengikut sistem yang ditentukan iaitu dasar pelajaran negara, itu satu *point*;

2. Mengenai cadangan bagi Sekolah Arab peringkat bawah untuk

diteruskan ke peringkat Sekolah Menengah Arab Atas di Daerah Belait, itu tertakluk kepada perancangan yang kaola sebutkan tadi. Kementerian Hal Ehwal Ugama merancang untuk memperbanyakkan Sekolah Arab dan apabila banyak bangunannya, bermakna peningkatan ke daerah-daerah juga sedemikian, maka anak-anak di daerah-daerah tidak perlu lagi berpindah sekolah ke daerah lain atau ke pusat lagi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah, jika ada sekolah menengah terdapat di daerah tersebut sebagaimana idealnya tetapi ia juga bergantung ke atas perancangan-perancangan kitani; dan

3. Mengenai pelajar di pedalaman untuk ditempatkan di asrama, perkara ini kaola rasa dapat dirujuk kepada pihak yang berkenaan. Fahaman kaola, jika kanak-kanak di pedalaman itu sudah sampai masuk belajar ke peringkat menengah dan sebagainya, mereka akan ditempatkan ke sekolah berasrama. Kaola akan merujuk perkara ini lebih dahulu, Yang Berhormat Pengerusi dan kaola memohon maaf. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang disampaikan dan الْحَمْدُ لِلَّهِ tahniah juga atas usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Kaola ingin merujuk mengenai 2 perkara iaitu Tajuk SJ01A, Kod Akaun 002/002 – Pentadbiran Masjid:

1. Kaola pernah menyuarakan perkara ini semasa permuzakarahannya bersama pihak kementerian dan kaola ingin menyuarakan lagi mengenai perlunya belia masjid diberi perhatian untuk pengupayaan. الْحَمْدُ لِلَّهِ di beberapa buah masjid, Program Belia Masjid telah berjalan dengan baik. Kaola ingin memberi cadangan jika program serta pegawai-pegawai berkenaan ditingkatkan kapasitinya dalam kerja pembangunan belia. Kaola percaya dengan pengupayaan belia-belia masjid, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ masjid dapat disemarakkan dan belia-belia dapat menarik belia lain secara positif *via influence* atau yang dipanggil pengarah positif rakan sebaya untuk mendekati diri dengan masjid yang menyediakan program bersifat keagamaan yang bukan sahaja bermanfaat tetapi juga menarik para belia; dan

2. Tajuk SJ01A, Kod Akaun 002/003 – Penyebaran Da'wah. الْحَمْدُ لِلَّهِ setentunya sudah ada usaha melalui undang-undang atau penapisan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan ilmu berkaitan agama yang

disebarkan di Negara Brunei Darussalam adalah betul seperti yang diterangkan serba sedikit tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Namun pada masa ini, sudah banyak cara baharu ilmu yang disebarikan termasuk yang berkaitan dengan agama Islam seperti contoh melalui media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan *Whatsapp*, aplikasi yang dapat dimuat turun dalam telefon bimbit ataupun komputer, rancangan-rancangan televisyen luar negara melalui satelit atau laman sesawang di *internet* dan buku-buku yang senang diperolehi daripada jualan *cube-cube*, media sosial atau dijual secara *secondhand*. Soalan kaola ialah, bagaimana cara orang ramai untuk mengenal pasti isi kandungan media ini termasuk media cetak dan media baharu seperti laman sesawang, aplikasi dan buku-buku serta rancangan-rancangan tersebut selamat untuk dijadikan bahan bacaan atau rujukan? Sekiranya ia diterbitkan oleh Jabatan Pusat Da'wah Islamiah atau pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama tidaklah diragui isi kandungannya akan tetapi apa yang memberi kekhawatiran ialah terbitan dari luar negara atau melalui penyebaran media sosial? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad. Sebenarnya ini adalah aktivis belia-belia masjid dan mudah-mudahan ia akan menyambung kegiatannya untuk sama-sama mengaktifkan lagi belia masjid seramai lebih 2,000 orang seluruh negara, satu kumpulan dan satu kekuatan yang baik dari segi akar umbi dan akar umbi itu daripada kalangan belia. الْحَمْدُ لِلَّهِ mudah-mudahan perkara ini iaitu belia masjid akan terus berkembang aktif secara teratur.

Kaola mengalu-alukan, memang sebagai rancangan ke hadapan belia masjid ini berperanan kalau di masjidnya itu maknanya diqariahnya sekurang-kurangnya sebagai mulut jihad, sebagai pekerja sosial di samping mereka itu juga diperkaya dan dibimbing dalam hal perkara-perkara agama.

Mereka juga meyumbang kepada masyarakat qariahnya bersama-sama dengan Jawatankuasa Takmir Masjid. Jadi, perancangan-perancangan yang secara sistematik, teratur pada masa ini seporadik, jadi mudah-mudahan dengan adanya pemikiran-pemikiran seperti ini dan kita akan duduk bersama-sama mudah-mudahan dengan siapa-siapa yang berminat pada perkara ini akan dapat abiskaola ajak bersama berunding untuk memikirkan apa rancangan yang sistematik bagi belia masjid ini. Kaola mengucapkan terima kasih.

Mengenai penyebaran dakwah, kita pun mengetahui Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Hal

Ehwal Masjid, semuanya adalah *arms* kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kalaulah semuanya ini bergerak untuk menapis dan sebagainya ia tidak terdaya kerana dalam dunia siber itu bukan satu hala ia bermacam-macam hala dan sebagainya.

Apa yang dapat dibuat, Pusat Da'wah Islamiah sekarang ini mempunyai dakwah seperti dalam media sosial, *instagram, twitter, facebook* dan sebagainya. Tinggal lagi bagaimana maklumat dari *windows* sebelahnya misalnya sampai kepada Pusat Da'wah Islamiah untuk dinilai dan setelah itu penilaian akan diberitahu kepada orang ramai yang merupakan satu perkara lagi. Pada keseluruhannya kita mestilah mempunyai sikap berhati-hati dalam perkara agama ini.

Jika seseorang menerima *posting* daripada rakannya sama ada daripada *groupnya* tertentu ataupun dari luar rakan *group*, ada perkara agama yang kurang pasti sebaik-baiknya dirujuk segera kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, pihak-pihak mana atau kepada individu-individu agama kepada siapa-siapa. Jadi, barangkali walaupun mungkin tidak secara *instant* mungkin memakan masa beberapa jam atau hari juga akan dapat diperjelaskan mengenai perkara itu.

Kaola mengambil contoh ada *divirakan* berhubung dengan ceramah agama yang dipetik / dimuat turun berhubung dengan perkara amalan-amalan yang ada kaitan dengan kita. Ia menyebutkan perkara itu tidak ada dalam ajaran

agama, sedangkan kita di Brunei mengamalkannya seperti Maulud Nabi ﷺ sambutan Awal Tahun Muharam dan sebagainya dibida'ahkan. Orang ramai yang berkenaan merujuk kepada pihak-pihak berkenaan, misalannya kepada individu di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan terus dijelaskan sejelas-jelasnya mengenai perkara itu.

Itulah yang dapat kita buat mengenai perkara itu, tetapi jangan kita bercakap mengenai media sosial ini dari segi negatifnya, kalau media sosial untuk perkembangan ilmu, penyampaian dan sebagainya, sebagaimana ia juga untuk penyebaran berbagai-bagai ilmu dan ia juga telah berperanan untuk menyebarkan ilmu-ilmu agama dan sangat berkesan. Umpamanya aplikasi mengenai Al-Quran dan tafsirnya sudah ada dalam *handphone* kita, hadis pun sedemikian, jadi ia salah satu daripadanya.

Jadi, kita mestilah bersikap berhati-hati, sentiasa bersikap positif terhadap apa-apa perkembangan teknologi. Teknologi ia cuma alat sebagaimana juga alat gelas untuk kita minum. Kita biasa minum air tetapi orang yang tidak apa-apa halangan dari segi agamanya untuk meminum minuman keras, mereka meminum minuman keras, menyediakan hidangan sedemikian mengikut kelaziman mereka.

Tetapi mengikut kelaziman kita, kita gunakan alat yang sama gelas untuk meminum/menuang air, cerek dan sebagainya untuk memasak air dan

sebagainya. Tinggal macam mana alat dipergunakan untuk mendidik kita menjadi pengguna yang baik. Itulah tanggungjawab agensi-agensi seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, agensi pihak sosial, pendidikan, institusi keluarga dan orang ramai bersama-sama
 إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. اللَّهُ أَكْبَرُ lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi, sukacita kaola mengajukan menghadapkan 3 perkara iaitu 1 perkara untuk cadangan dan 2 perkara untuk pertanyaan dalam Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama:

Kaola ingin menghadapkan satu cadangan iaitu setiap premis, kedai dan pejabat menghormati azan sembahyang fardu setiap waktu. اللَّهُ أَكْبَرُ negara kita dalam proses menjadi sebuah negara yang melaksanakan hukum Allah sepenuhnya sama ada dari aspek bernegara, bermasyarakat dan beragama. Salah satu langkah yang sangat tepat dan berani.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengisytiharkan Pelaksanaan Perintah Kanun Jenayah Syariah yang berkuatkuasa pada 1 Mei 2014 yang sebagaimana baginda titahkan pada 30 April 2013 dalam Majlis Penguatkuasaan Perintah Kanun Seksaan Jenayah Syariah fasa 1 berlangsung di Pusat Antarabangsa, Berakas.

Di samping itu baginda juga sering menekankan bahawa setiap kita segenap lapisan masyarakat perlu mengorak langkah secara konsisten bagi merealisasikan hasrat baginda supaya negara kita ini menjadi Negara Zikir yang bermatlamatkan menjadi negara yang aman makmur yang penduduknya mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti yang tersebut dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba, Ayat 15 :

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبِّ عَفُورٌ ﴿١٥﴾

Pada menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir, beberapa langkah untuk merealisasikan hasrat baginda telah dilaksanakan antaranya penutupan sementara semua premis, kedai, restoran dan semua kegiatan berniaga setiap hari Jumaat mulai pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang iaitu selama 2 jam.

Bagi tujuan menghormati orang-orang Islam Sembahyang Jumaat, اللَّهُ أَكْبَرُ berasaskan tinjauan arahan ini dipatuhi

oleh semua pihak yang berkenaan dan kita juga mendapat pujian daripada pelancong-pelancong yang berkunjung ke negara ini. gambaran imej yang baik dan positif daripada orang luar terhadap negara kita ini.

Kaola merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H bersamaan 2017 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas baru-baru ini. Baginda bertitah menyatakan "Ada pihak sama ada agensi atau bukan kerajaan, apabila mengadakan satu-satu program atau acara mereka tidak mengambil kira keperluan menunaikan sembahyang bahawa ibadat sembahyang itu adalah Fardhu 'Ain, wajib ditunaikan pada waktunya. Adapun apa jua program atau acara tambah baginda tidak boleh jadi alasan untuk meninggalkan sembahyang".

Berasaskan perkara yang kaola nyatakan tadi dalam Dewan yang mulia ini kaola mencadangkan seperti berikut:

1. Sudah tiba masanya kita laratkan lagi kepada arahan atau ketetapan yang lebih menyeluruh iaitu setiap permis, kedai, restoran dan semua kegiatan berniaga dan bekerja termasuklah kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, institusi-institusi pendidikan serta syarikat-syarikat swasta memberhentikan kegiatan sementara sekurang-kurangnya selama 30 minit apabila azan dilaungkan bagi memberi peluang pekerja atau

pelajar Islam untuk menunaikan sembahyang fardu di samping menghormati laungan azan yang sewajarnya wajib dihormati. Sehubungan dengan itu, apabila ia dilaksanakan, maka dicadangkan supaya setiap premis atau kedai yang jauh dari masjid supaya menyediakan kemudahan musala dan tempat berwudhu.

2. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menuju ke soalan pertanyaan mengenai dengan Masjid Skim Perumahan Negara Kampung Mengkubau dan Panchor dan Skim Perumahan Negara Kampung Meragang. Kaola mewakili daerah Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri. Peningkatan penduduk di Skim Perumahan Negara Kampung Mengkubau dan Panchor dan Skim Perumahan Negara Kampung Meragang yang amat ketara memerlukan sekurang-kurangnya sebuah masjid untuk penduduk melakukan ibadah, sembahyang berjemaah selain sembahyang Jumaat yang mana mungkin sahaja jumlah jemaahnya akan bertambah.

Pertanyaan kaola dalam hubungan ini, masyarakat yang tinggal di tempat berkenaan ingin mengetahui perancangan dalam masa dekat ini untuk membina masjid berkenaan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesesakan masjid-masjid di bawah Mukim Serasa dan masjid-masjid di Mukim Mentiri? Kaola ingin juga bertanya mengenai Tabung Dana Pembinaan Masjid. Adakah dibolehkan

sumbangan secara potongan gaji diteruskan kepada mereka yang berpencen bagi orang-orang yang berpencen yang atas tujuan memberi peluang orang-orang berpencen cara mudah beramal jariah, meningkatkan saham akhirat? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat mengenai perkara setiap premis supaya mengadakan tempat sembahyang dan menghormati laungan azan (menghormati waktu sembahyang).

Sebenarnya dalam keadaan sekarang ini pun, tanpa ada aturan-aturan tertentu sedemikian, pihak-pihak yang berkenaan, bangunan-bangunan tertentu seperti kompleks beli-belah, kompleks perdagangan bahkan juga dalam kompleks yang sering didatangi atau dikunjungi oleh orang ramai. Anak-anak muda ataupun keluarga-keluarga muda yang membawa anak-anak mereka untuk menonton wayang misalannya ada tempat sembahyang. Dan kaola merasa bangga melihat orang-orang kitani, apabila cukup waktu sebelum masuk ke dalam panggung, walaupun mereka sudah berhimpun lebih awal tetapi sebelum mereka masuk ke dalam panggung, mereka berbaris untuk bersembahyang di tempat yang disediakan dalam kapasitinya tidaklah besar dan tidak luas dan menghendaki orang berbaris dan sebagainya.

Ini satu fenomena yang kaola rasa, kitani ini jangan terlampau *regimental* dalam

perkara agama terutama sekali kitani melihat perkembangan dan kesedaran beragama itu ada pada orang Islam. Hal-hal yang tidak dipaksakan sedemikian ini akan lebih sehati dan menjadi budaya kepada amalan seseorang terutama sekali mengenai sembahyang.

Mengenai menghormati laungan azan sebenarnya kitani pun kalau mendengar azan kedengaran dari luar sepatutnya kitani berhenti jika dalam mesyuarat dan kitani berhenti itu pun sudah dikira kita menghormatinya. Tetapi adakah praktikal untuk kitani mengadakan lagi satu peraturan bagi setiap waktu itu berhenti dalam beberapa minit sementara bagi menunaikan sembahyang itu akan kitani kaji dari semasa ke semasa. Kerana kalau dilihat pada masa ini pun di setiap jabatan ada kemudahan untuk bersembahyang dan di setiap kementerian, bangunan-bangunan ada sembahyang berjemaah dan semua ini berjalan bukan secara undang-undang tapi secara yang biasa dapat dilakukan dan sebagainya.

Satu perkara dalam konteks perkara ini dihubungkan oleh Yang Berhormat dengan Negara Zikir Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengambil kesempatan, terutama sekali apabila kita sering menyebut menjadikan Brunei ini sebagai Negara Zikir dan Yang Berhormat sendiri pun menyebutkannya.

Kita jangan keliru sebenarnya perkataan menjadikan Brunei Negara Zikir, bukan bermakna selama ini Brunei belum lagi Negara Zikir, jangan silap. Secara *formal* dan *non formal*, kerajaan dari segi amalan-amalan rasmi sudah

mengamalkan konsep zikir. Kalau kita kembali saja misalannya contoh dokumen yang tertinggi bagi negara ialah perlembagaan.

Di dalam perlembagaan mukadimahnya dalam *preamble* nya itu بِسْمِ اللَّهِ حَمْدُ اللَّهِ nya dengan selawatnya yang teratur. Itu sudah zikir, jauh dalam tahun 1959 dan lebih jauh lagi daripada itu dalam adat istiadat bergelar apa lagi berpuspa semuanya ada konsep zikir itu. Jadi maksud menjadikan Negara Zikir ini ialah mengetarakannya apa yang sudah ada dan disempurnakan sesuai dengan fenomena Brunei yang *Islamic* ini.

Brunei Negara Islam dalam erti kata berpemerintahan raja Islam dengan majoriti penduduknya adalah mengamalkan agama Islam dan kehidupannya dipengaruhi oleh cara-cara ajaran Islam.

Ini harus kita ketarakan dan inilah yang menjadikan ia sebagai Negara Zikir, bukannya belum menjadi Negara Zikir atau belum ada zikir itu dikonsepsikan baru beberapa tahun ini barulah kita ke arah mengetarakannya. Itu yang kaola mahu tegaskan Yang Berhormat Pengerusi.

Cadangan daripada Yang Berhormat supaya premis-premis akan menyediakan tempat-tempat sembahyang. Mudah-mudahan perkara ini bukan jadi aturan tetapi akan menjadi sebagai pemerhatian kepada pihak-pihak berkenaan, sebagaimana juga yang kita lihat yang kaola sebutkan tadi bangunan-bangunan tertentu sudah mengadakan kemudahan-kemudahan sembahyang ini di bangunan-bangunan perniagaan

masing-masing. Kemudian di bangunan-bangunan kerajaan pun sudah ada sedemikian.

Jadi untuk mengadakannya misalannya lihat sahaja surau ada di Dermaga. Tujuan asal surau itu menggantikan surau lama bagi gerai di Jalan Residency. Sekarang ini buat sementara peniaga-peniaga tersebut sudah berpindah ke tempat lain. Orang ramai boleh menggunakan surau. Tidak semestinya sebuah kedai ada tempat sembahyang bagi orang-orangnya. Pengertian untuk menunaikan sembahyang ini kaola ingin menyambungkan Yang Berhormat Pengerusi apabila saja ketetapan aturan menghendaki semua premis-premis termasuk rekreasi, kedai makan dan sebagainya supaya ditutup dari pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.00 petang untuk mereka bersembahyang.

Ada aduan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang diterima daripada Pejabat Buruh dari pekerja-pekerja yang mengadukan mereka tidak dibenarkan sembahyang. Aduan-aduan itu telah diperiksa dan telah disiasat. Kenyataannya ada kebenarannya mereka tidak sembahyang, bukan tidak dibenarkan. Waktu itu kedai memang tutup, memang tidak akan bertugas, tetapi mereka itu menggunakan masa di tempatnya itu dengan kegunaan-kegunaan yang lain. Kerana itulah, lepas itu mereka itu dikenakan tindakan yang lain mengikut aturan-aturan dari segi perniagaan.

Macam itulah jua beberapa aduan yang diterima pada masa ini. Yang Berhormat

Pengerusi. Abis kaola ada menerima aduan umpamanya mengenai sembahyang Jumaat ini, bahawa ada syarikat-syarikat besar kononnya yang tidak membenarkan pekerja-pekerjanya yang terdiri daripada orang Islam untuk berehat dari kerja untuk menunaikan sembahyang.

Aduan-aduan itu telah diteliti dan disiasat. Pada masa penyiasatan dijalankan tidak ada kejadian yang sebenarnya. Malah ada tanda-tanda mereka itu diaturkan bersembahyang di masjid tertentu termasuklah Projek Jambatan Temburong dan projek perumahan sekitar Brunei Muara dan sebagainya.

Semuanya ini, menunjukkan ada semacam kegigihan untuk melaksanakan amalan agama dengan baik. Tinggal lagi kitani mengamalkan dengan cara baik, teratur dan tidak akan menyia-yiakan peluang yang ada. Inilah namanya kita mengetarakan Negara Zikir, bukan menjadikan Negara Brunei Darussalam baru menjadi Negara Zikir.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tentang perumahan negara bilakah penduduk di Mengkubau dan penduduk Meragang memiliki masjid. Perancangan sudah ada dalam RKN-10 yang lalu. Sudah pun dalam peringkat penyediaan segala-galanya iaitu dari segi pelan tapak tanah yang memang sedia ada bahkan di peringkat untuk tawaran dan sebagainya. Oleh sebab keadaan kewangan tidak mengizinkan, maka rancangan itu ditangguhkan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), dalam RKN Ke-12, kerajaan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan membangun masjid. Kaola sengaja tadi tidak menyebutkan di mana masjid, 11 buah yang dirancang oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam rancangan RKN Ke-11 itu. Sebenarnya termasuklah Masjid Kampung Panchor Mengkubau, Daerah Brunei Muara, Masjid Kampung Meragang, Daerah Brunei dan Muara.

Di Daerah Brunei dan Muara ada 6 buah iaitu di Tanah Jambu, Junjungan, Perumahan Negara Kampung Lugu dan Perumahan Negara Kampung Rimba, Daerah Tutong 2 buah, Daerah Belait 2 buah dan Daerah Temburong 1 buah.

Kaola berharap, mudah-mudahan keadaan kewangan mencukupi untuk kerajaan berbelanja membangun masjid. Tabung Dana Pembinaan Masjid adakah boleh dilaratkan kepada orang-orang yang berpencen? Perkara ini boleh dipertimbangkan. Jangan lupa tidak semestinya melalui potongan gaji mereka menyumbang.

Kementerian memahami Yang Berhormat Pengerusi sebaik-baiknya melihat kepada jumlah yang dikutip setiap Jumaat dan wang itu terkumpul setiap bulan ada penyatannya di dalam *bank* yang datang dari tabung di masjid-masjid.

Penyumbang-penyumbang terdiri daripada berbagai-bagai peringkat termasuk orang-orang yang sudah bersara. Memang menyumbang dalam perkara jumlah itu boleh dikatakan dalam kadar yang baik yang kaola sebutkan tadi \$200,000.00 setiap bulan bagi seluruh

negeri. الْحَمْدُ لِلَّهِ bahkan angka itu yang rendah Yang Berhormat Pengerusi tetapi kalau dikira bulan Februari sahaja \$233,000.00.

Kalau praktikal bagaimana pesara-pesara itu yang menerima pencen mereka melalui saluran tertentu dapat menyumbang secara potongan daripada pencen bolehlah kitani fikirkan kesesuaiannya pada masa hadapan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan yang telah diberikan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama terhadap soalan-soalan dan sokongan-sokongan, cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bersama saya masih lagi ramai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Maka saya berpandangan ada baiknya pada masa ini Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi membolehkan

kita untuk berehat pada tengah hari ini dan kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)